

BAB V

PENDAPATAN, PERBELANJAAN DAN TABUNGAN BURUH PERIKANAN THAI DI TOK BALI, KELANTAN

5.0 PENGENALAN

Bab ini akan menjelaskan tentang pendapatan yang diperoleh majikan dan semua buruh perikanan Thai yang bekerja di atas bot pukat jerut dan bot pukat tunda. Pengiraan sumber pendapatan buruh perikanan Thai berpandukan kepada Sistem Pembahagian Panggu.¹ Sistem ini masih digunakan sehingga kini dalam sektor perikanan bagi mengira pendapatan bersih yang boleh diterima antara majikan tempatan dengan awak-awak yang bekerja di atas bot pukat jerut mahupun bot pukat tunda. Dalam setahun pembahagian panggu akan berlaku sebanyak tiga kali. Selain daripada itu, bab ini juga akan membincangkan pendapatan sampingan yang diperoleh oleh buruh perikanan Thai.

Bab ini seterusnya akan membincangkan tentang perbelanjaan buruh perikanan Thai semasa berada di Tok Bali, dan seterusnya tabungan yang dibuat oleh mereka. Kajian ini juga akan membincangkan tentang tujuan dan cara penggunaan wang tabungan buruh perikanan Thai di tempat asal mereka.

5.1 SUMBER PENDAPATAN BOT PUKAT JERUT

Hasil perikanan yang diperoleh bot pukat jerut setiap trip keluar ke laut adalah tidak tetap. Biasanya setiap trip keluar ke laut bot pukat jerut akan memperoleh hasil tangkapan di antara RM25,000.00 hingga

RM30,000.00. Hasil tangkapan yang diperoleh setiap trip tidak akan dibahagikan terus di antara buruh perikanan Thai dengan majikan setiap kali pendaratan berlaku. Amalan yang biasa dilakukan di Tok Bali, ialah hasil jualan bagi setiap trip akan direkodkan oleh pengurus ikan dan hasil tangkapan ini akan dikumpulkan sehingga empat bulan.

Pembahagian setiap trip bagi bot pukat jerut tidak sesuai dilakukan kerana hasil tangkapan yang diperoleh bagi setiap trip adalah tidak tetap dan dipengaruhi oleh harga ikan di pasaran. Di mana pada musim tertentu seperti pada awal bulan Julai hingga akhir Ogos, harga ikan di pasaran adalah rendah. Manakala musim tengkujuh harga ikan akan melambung tinggi disebabkan ikan sukar untuk diperoleh dan bot-bot kecil yang beroperasi di pinggir pantai tidak dapat keluar menangkap ikan. Hasil tangkapan yang tidak tetap menyebabkan pembahagian pendapatan perlu dijalankan setiap empat bulan sekali.

Selain daripada itu, pembahagian panggu perlu dijalankan setiap empat bulan kerana urus niaga yang dijalankan antara peraih ikan dengan pengurus ikan di Tok Bali tidak dijalankan sepenuhnya dalam bentuk tunai, iaitu terdapat sesetengah urus niaga dijalankan dalam bentuk kredit. Bagi mengutip semula keseluruhan hasil jualan mengambil masa yang lama, iaitu antara dua hingga tiga bulan.

Pembahagian Sistem Panggu mengambil masa empat bulan juga disebabkan salah satu strategi majikan tempatan untuk mengelakkan buruh perikanan Thai daripada meninggalkan atau berpindah ke tempat lain apabila mereka telah menerima pendapatan. Sekiranya ada di antara mereka meninggalkan pekerjaan, sudah tentu ia akan mendatangkan masalah besar

kepada majikan tempatan untuk mencari buruh perikanan baru dalam masa terdekat. Selain daripada itu, majikan tempatan juga akan menggunakan wang yang diterima daripada hasil jualan untuk membaiki bot yang rosak atau perkakas bot seperti alat sonar, enjin bot dan peralatan yang lain.

Setiap kali hasil tangkapan didaratkan di jeti, pengurus ikan akan memainkan peranan penting semasa berurusan dengan pemberong, peraih ikan dan pengguna. Hasil tangkapan yang diperoleh setiap trip akan direkodkan dan keseluruhan kuantiti tangkapan akan diberitahu kepada majikan dan *Taikong*. Dalam tempoh empat bulan sahaja dianggarkan sumber pendapatan bot pukat jerut untuk 12 trip berjumlah lebih kurang RM350,000.00.²

5.2 KOS PERBELANJAAN BOT PUKAT JERUT DALAM EMPAT BULAN

Berdasarkan Jadual 5.1, didapati dalam masa empat bulan dianggarkan bahawa keseluruhan kos yang digunakan untuk 12 trip perjalanan ke laut adalah sebanyak RM8,000.00 untuk membeli keperluan dapur sahaja.³ Secara puratanya dalam empat bulan, majikan tempatan terpaksa memperuntukkan perbelanjaan makanan di atas bot bagi seorang buruh perikanan sebanyak RM200.00. Kesemua kos yang digunakan oleh buruh perikanan Thai di atas bot akan ditanggung sepenuhnya oleh pihak majikan tempatan terlebih dahulu, dan keseluruhan kos ini akan di tolakkan semula semasa pecahan panggu dilakukan.

Barang-barang keperluan dapur yang diperlukan boleh diambil secara kredit daripada kedai yang berdekatan dengan jeti. Barang-barang keperluan yang biasa digunakan seperti minyak, bawang, telur, teh, gula,

Jadual 5.1 : Kaedah Pengiraan Panggu Bagi Bot Pukat Jerut Di Tok Bali Dalam Tempoh Empat Bulan

A. Hasil Pendapatan Empat Bulan	RM 350,000.00
B. Kos Perbelanjaan	
- Keperluan Dapur Semasa Di Atas Bot (4 bulan)	RM 8,000.00
- Keperluan Minyak Diesel (6,000 Liter x 3 trip x 4 bulan x RM 0.90)	RM 64,800.00
- Air Batu (300 Blok x 3 trip x 4 bulan x RM 9.00)	RM 32,400.00
- Purata Kos Kerosakan Peralatan (4 bulan)	RM 5,000.00
- Duit Petik (37 orang x 3 Trip x 4 bulan x RM 10.00)	RM 4,440.00
- Kos Unjam	RM 2,160.00
- Tali	= RM 220.00
- Guni (40 unit x 4 bulan x RM 0.50)	= RM 80.00
- Pelepah (400 x 4 bulan x RM 0.40)	= RM 640.00
- Buluh (30 Batang x 4 bulan x RM 4.00)	= RM 480.00
- Kos Upah (37 orang x 4 bulan x RM 5.00)	= RM 740.00
- Penggunaan Jeti (3 trip x 4 bulan x RM50.00)	RM 600.00
- Kos Membubu Pukat(37 orang x 3 Trip x 4 bulan x RM10.00)	RM 4,440.00
- Kos Upah Bulanan	RM 9,200.00
- Juru unjam (2 orang 4 bulan x RM 600.00) = RM 4,800.00	
- Engineer (4 bulan x RM 700.00) = RM 2,800.00	
- Phoa krur (4 bulan x RM 400.00) = RM 1,600.00	
- Tong Ikan (100 unit x 3 trip x 4 bulan x RM 2.50)	RM 3,000.00
- Lain-lain Kos	RM 2,000.00
Jumlah Bersih (A-B)	RM 213,960.00
C. Pendapatan Taikong (10% daripada Jumlah Bersih)	RM 21,396.00
Jumlah Setelah Tolak Bahagian Taikong	RM 192,564.00
D. Pembahagian 50% Kepada Majikan	RM 96,282.00
E. Pembahagian 50 % Kepada Awak-awak (40 orang)	RM 96,282.00

garam dan sebagainya. Kos perbelanjaan untuk purata buruh perikanan Thai dalam empat bulan agak rendah disebabkan terdapat sesetengah barang dapur seperti beras, kicap, sos dan lain-lain dibeli dari negara Thailand kerana harga yang dijual di sana adalah jauh lebih murah berbanding dengan harga yang dijual di Tok Bali. Oleh sebab itu, setiap kali bot mendarat ikan di Thailand, barang-barang ini akan dibeli dalam kuantiti yang banyak, misalnya setiap kali bot masuk ke Thailand, *Phoa krur* akan membeli antara 15 hingga 20 kampit beras dan setiap kampit adalah seberat 25 kilogram.⁴

Kos perbelanjaan minyak diesel dalam tempoh empat bulan bagi bot pukat jerut dianggarkan berjumlah RM64,800.00. Hasil kajian mendapati, kos yang paling tinggi setiap kali bot keluar ke laut adalah kos minyak diesel. Oleh sebab itu, setiap kali bot hendak keluar ke laut, majikan akan mengarahkan *Taikong* mengisi minyak diesel di tempat yang memberi kemudahan kredit. Setiap trip bot pukat jerut beroperasi di laut, perlu mengisi kira-kira 6,000 liter dan dalam tempoh empat bulan dianggarkan bot pukat jerut telah menggunakan sebanyak 72,000 liter minyak diesel.

Sebelum bot hendak mendaratkan ikan di Thailand, biasanya minyak diesel akan diisi sehingga penuh di dalam tangki bot dan lima hingga 12 tong minyak yang terdapat di atas bot. Tujuan *Taikong* berbuat sedemikian adalah untuk mengelakkan mereka daripada membeli minyak di Thailand. Harga minyak diesel di Thailand dijual adalah jauh lebih tinggi jika dibandingkan dengan harga di Tok Bali. Di mana seliter minyak diesel di Tok Bali hanya dijual dengan RM0.90 tetapi di Thailand dijual dengan harga 15 bath seliter (RM1.50).

Kos perbelanjaan untuk air batu kedua tinggi selepas minyak diesel. Dianggarkan dalam tempoh empat bulan sahaja majikan bot pukat jerut terpaksa memperuntukkan sebanyak RM32,400.00. Secara puratanya setiap trip bot pukat jerut akan menggunakan kira-kira 300 blok air batu dan setiap blok air batu dijual dengan harga RM9.00. Kos penggunaan air batu bagi bot pukat jerut di Tok Bali adalah tinggi disebabkan bot pukat jerut di sini menggunakan air batu setiap kali keluar ke laut. Hasil kajian mendapati bot yang beroperasi di Tok Bali tidak ada satu pun dilengkapi dengan alat sistem penyejukan air laut (RSW).⁵

Sepanjang tempoh empat bulan, secara puratanya majikan akan memperuntukkan sebanyak RM5,000.00 untuk kegunaan membaiki kerosakan peralatan bot seperti enjin, menukar minyak pelincir, membaiki generator, kipas enjin dan sebagainya. Setiap kali pembahagian dibuat, purata kos perbelanjaan ini akan dikirakan sebagai perbelanjaan tetap, peruntukan ini tidak boleh dikurangkan walaupun dalam tempoh tersebut hanya sedikit sahaja kos perbelanjaan yang telah digunakan. Baki peruntukan yang tidak digunakan akan dibawa pada pembahagian panggu yang akan datang.

Duit petik adalah pendapatan yang diterima oleh buruh perikanan Thai semasa menjalankan kerja-kerja menurunkan ikan semasa di jeti. Dalam masa empat bulan sahaja dianggarkan sebanyak RM4,440.00 telah digunakan sebagai kos perbelanjaan. Duit petik adalah sebahagian daripada pendapatan sampingan yang diterima oleh 37 orang buruh perikanan Thai semasa menjalankan kerja-kerja menurunkan ikan di jeti. Walaupun di atas bot pukat jerut mempunyai 40 awak-awak tetapi bagi mereka yang tidak terlibat dalam kerja-kerja menurunkan ikan tidak akan menerima wang petik. Dalam situasi

ini terdapat tiga orang yang dikecualikan daripada menerima duit petik, iaitu *Taikong* dan dua orang *Juru unjam*.

Pembayaran duit petik akan terus diberikan kepada semua awak-awak sebaik sahaja kerja-kerja menurunkan ikan selesai dijalankan. Majikan tempatan akan memberikan keseluruhan duit petik ini kepada *Taikong* dan ia dibahagikan secara purata kepada semua awak-awak yang terlibat di atas bot. Pembayaran duit petik dibuat bergantung kepada hasil tangkapan pada setiap trip. Biasanya dalam setiap trip secara puratanya seorang awak-awak akan memperoleh RM10.00 untuk kerja-kerja menurunkan ikan. Sekiranya pada musim terdapat banyak hasil tangkapan, misalnya pada bulan Julai hingga akhir September, setiap daripada mereka berjaya memperoleh duit petik antara RM10.00 hingga RM15.00. Majikan tempatan membayar lebih pada bulan tersebut disebabkan kerja-kerja menurunkan ikan mengambil masa yang lama iaitu antara sepuluh hingga 11 jam untuk menurunkan kesemua ikan di dalam *hompral*.

Kos perbelanjaan untuk menghasilkan unjam juga adalah tinggi. dianggarkan dalam empat bulan, majikan terpaksa memperuntukkan sebanyak RM2,160.00 untuk membeli tali, guni, pelepas kelapa, buluh dan membayar kos upah untuk 37 orang buruh perikanan Thai yang membuat unjam. Setiap empat bulan sekali majikan terpaksa memperuntukkan kos tersebut untuk menghasilkan 30 buah unjam. Kesemua kos tersebut telah digunakan untuk membeli tali (RM220.00), 160 buah guni (RM80.00), 1,600 pelepas kelapa (RM640.00), 120 batang buluh (RM480.00) dan kos upah membuat unjam (RM740.00).

Setiap kali mendaratkan ikan di jeti, majikan tempatan terpaksa membayar RM50.00 sebagai kos menggunakan kemudahan yang disediakan di jeti seperti bekalan air bersih, penggunaan lampu, meja untuk penggredan ikan dan tempat untuk meletakkan tong ikan. Kos untuk menggunakan jeti tidak dapat dielakkan oleh semua majikan tempatan, walaupun majikan tempatan menggunakan jeti mereka sendiri. Namun begitu setiap empat bulan sekali kos tersebut akan ditolak semasa pembahagian panggu dibuat. Di anggarkan dalam tempoh empat bulan, majikan tempatan terpaksa memperuntukkan sebanyak RM600.00 untuk membayar kos perkhidmatan jeti.

Majikan tempatan akan membayar buruh perikanan Thai sekiranya kerja-kerja *membubu* pukat dijalankan melebihi dua hari. Dianggarkan dalam tempoh empat bulan sahaja majikan tempatan memperuntukkan sebanyak RM4,440.00 kepada 37 orang buruh perikanan Thai yang *membubu* pukat. Namun begitu, semasa kerja-kerja *membubu* pukat dilakukan di tengah laut tidak dikira dalam kos perbelanjaan. Kesemua upah dari kerja-kerja ini hanya akan dibayar semasa pembahagian panggu dijalankan.

Dalam empat bulan sahaja majikan akan memperuntukkan sebanyak RM9,200.00 untuk membayar gaji tetap kepada dua orang Juru unjam, seorang *Enginear* dan seorang *Phoa krur*. Setiap bulan keempat-empat orang daripada mereka akan menerima bayaran tetap, walaupun hasil tangkapan yang diperoleh tidak memuaskan. Pada setiap bulan majikan tempatan akan memperuntukkan kepada Juru unjam (RM4,800.00), *Enginear* (RM2,800.00) dan *Phoa krur* (RM1,600.00). Kebiasaanaya bayaran ini tidak

dibuat setiap bulan, sebaliknya bayaran akan dibuat dalam empat bulan sekali secara serentak.

Setiap kali mendaratkan ikan, majikan tempatan juga terpaksa memperuntukkan sebanyak RM3,000.00 untuk membeli sebanyak 100 unit tong ikan. Setiap tong ikan yang diperbuat daripada kayu dijual dengan harga RM2.50 seunit. Bagi menjimatkan kos pembelian tong ikan, biasanya pengurus ikan akan membeli tong ikan yang terpakai daripada peraih ikan dari sekitar Tok Bali dengan harga RM2.00 seunit.

Selain daripada itu, dalam tempoh empat bulan majikan akan memperuntukkan sebanyak RM2,000.00 untuk kegunaan ketika berlakunya kecemasan seperti membayar bil-bil perubatan atau kegunaan dalam hal-hal yang berlaku di luar jangkaan. Jelaslah di sini bahawa setiap empat bulan sekali majikan tempatan terpaksa memperuntukkan perbelanjaan yang besar. Namun begitu kesemua perbelanjaan seperti di atas sebenarnya bukan ditanggung sepenuhnya oleh majikan sebaliknya sebahagian daripada kos tersebut akan ditanggung oleh semua buruh perikanan itu sendiri. Keadaan ini berlaku disebabkan kesemua kos tersebut akan dikira dalam keseluruhan kos perbelanjaan yang digunakan dalam tempoh empat bulan.

5.3 SISTEM PEMBAHAGIAN PANGGU DALAM BOT PUKAT JERUT

Sistem Pembahagian Panggu yang digunakan di Tok Bali boleh melihat jumlah pendapatan purata bulanan yang diperoleh oleh setiap buruh perikanan Thai dan juga jumlah keuntungan yang diperoleh oleh majikan tempatan. Setiap buruh perikanan Thai yang bekerja di atas bot pukat jerut tidak akan memperoleh pendapatan yang sama, ini kerana pembahagian

panggu yang diamalkan dalam sektor perikanan juga dibayar berdasarkan kepada pengkhususan kerja yang dilakukan di atas bot.

Walaupun pembahagian pendapatan yang dijalankan mengikut tempoh yang dipersetujui antara dua pihak. Namun begitu, pembahagian panggu masih boleh diawalkan sekiranya kedua-dua pihak bersetuju untuk berbuat demikian. Biasanya pembahagian akan diawalkan apabila tibanya musim perayaan tertentu seperti Hari Raya Aidilfitri, Perayaan Songkram, dan Perayaan Wesak. Di samping itu, majikan juga akan memberitahu kepada *Taikong* supaya mempercepatkan hari pembahagian panggu, sekiranya berlaku kerosakan teruk pada bot yang memerlukan kos perbelanjaan yang tinggi untuk membaikinya.

Setiap kali pembahagian panggu dijalankan, biasanya cara pembayaran akan dilakukan secara tunai dan bukannya dalam bentuk cek. Setiap urusan pembayaran dijalankan hanya menggunakan Ringgit Malaysia. Setiap kali pembayaran dibuat hanya dikendalikan oleh *Taikong* dan majikan tempatan sahaja. Manakala awak-awak yang lain tidak akan ikut serta dan mereka hanya menunggu di atas bot sahaja. Selepas menerima wang pembahagian tersebut, *Taikong* akan balik ke bot dan membahagikan wang ini kepada semua buruh perikanan Thai yang bekerja di atas bot mengikut pecahan panggu masing-masing. Tujuan majikan menyerahkan kesemua 50 peratus hasil pendapatan bersih kepada *Taikong* disebabkan *Taikong* lebih mengenali dan memahami prestasi kesemua awak-awak yang bekerja di atas botnya.

Setelah *Taikong* menerima kesemua wang daripada majikan, *Taikong* akan membahagikan wang tersebut kepada semua awak-awak

mengikut pembahagian masing-masing juga dalam nilai mata wang Ringgit Malaysia, disebabkan sesetengah buruh perikanan Thai akan membeli sedikit buah tangan sebelum balik ke Thailand. Biasanya mereka akan balik ke Thailand dengan bot perikanan pada keesokan harinya. Bagi mengelakkan berlaku kehilangan atau kecurian, biasanya *Taikong* akan menyimpan wang bagi pihak mereka dan kesemua jumlah ini akan direkodkan.

Namun begitu, terdapat juga sesetengah buruh perikanan Thai akan menyimpannya sendiri tetapi hanya dalam jumlah yang sedikit sahaja, iaitu antara RM50.00 hingga RM100.00 untuk kegunaan sendiri di Tok Bali dan bakinya akan diserahkan kepada *Taikong* dan disimpan di dalam *kechong*. Ini kerana wang yang disimpan di dalam *kechong* adalah lebih selamat disebabkan hanya orang tertentu sahaja dibenarkan masuk ke dalam *kechong*. Apabila sampai ke Thailand *Taikong* akan menyerahkan semua wang yang disimpan kepada pemiliknya.

Namun demikian, terdapat sesetengah *Taikong* tidak akan membuat pembahagian terus setelah menerima keseluruhan wang pembahagian panggu daripada majikan. Sebaliknya *Taikong* akan memegang keseluruhan wang tersebut dan menukarnya dalam bentuk wang bath. Sebelum berbuat demikian, *Taikong* akan berbincang dan mendengar pendapat semua buruh perikanan Thai yang lain sebelum membuat keputusan tersebut. Biasanya *Taikong* akan menukar kesemua wang yang diterima ini di Golok kerana kadar pertukaran nilai bath di wilayah Selatan Thailand adalah lebih tinggi berbanding dengan kadar pertukaran di wilayah lain di Thailand.

Selepas selesai pertukaran mata wang di buat, *Taikong* akan membahagikan wang ini mengikut panggu masing-masing setelah bot sampai ke Pelabuhan Perikanan Teluban yang terletak di wilayah Narathiwat. Semasa pembahagian itu dijalankan, pembayaran tidak dilakukan secara serentak tetapi *Taikong* akan memanggil seorang demi seorang untuk berjumpanya dan pembayaran akan di buat di dalam *kechong*. Sepanjang masa pembayaran dijalankan *Taikong* akan dibantu oleh *Phuchui Taikong* yang berperanan sebagai orang yang merekodkan nilai pembayaran sepanjang proses ini berlangsung.

Orang yang pertama sekali akan menerima wang daripada pecahan panggu ialah *Phuchui Taikong*. Ini kerana pembayaran dibuat berdasarkan kepada keutamaan penghususan pekerjaan di atas bot. Buruh perikanan Thai yang mendapat pecahan panggu yang tertinggi akan didahulukan, diikuti dengan mereka yang menerima pendapatan tetap dan akhir sekali kepada mereka yang bekerja sebagai *Nakwang hear*. Selain daripada itu, terdapat juga sesetengah *Taikong* akan memanggil dan membayar kepada awak-awak yang pernah berhutang dengannya sebelum ini dan semasa pembayaran dilakukan, *Taikong* akan menolak keseluruhan hutang. Tujuan *Taikong* bertindak sedemikian adalah untuk mengelakkan perkara-perkara yang tidak diingini berlaku seperti kejadian peminjam terus berhenti bekerja di atas bot tanpa pengetahuan *Taikong* setelah menerima keseluruhan bayaran.

Selepas pembahagian selesai dijalankan semua awak-awak akan balik dan berjumpa dengan keluarga masing-masing. Bagi awak-awak yang tidak balik ke kampung halaman akan mengirimkan wang perbelanjaan kepada

keluarga mereka melalui rakan-rakan yang datang dari kampung halaman yang sama atau mengirim kepada *Taikong*. Terdapat juga sesetengah awak-awak akan mengirimkan wang perbelanjaan kepada sahabat yang datang dari kampung yang sama untuk diberikan kepada keluarga mereka di kampung. Biasanya wang yang dikirimkan melalui orang perantaraan adalah dalam jumlah yang kecil iaitu dua hingga tiga ribu bath sahaja dan orang perantaraan ini terdiri daripada saudara mara yang terdekat atau mereka yang boleh dipercayai.

5.3.1 PENDAPATAN BURUH PERIKANAN THAI DALAM BOT PUKAT JERUT

Berdasarkan kepada Jadual 5.2 dapat dijelaskan secara lebih terperinci sumber pendapatan buruh perikanan Thai di Tok Bali. Setiap awak-awak di atas bot akan memperoleh pendapatan utama hasil daripada pembahagian panggu, dan selain daripada itu mereka juga memperoleh pendapatan sampingan. *Taikong* akan memperoleh pendapatan yang berbeza daripada awak-awak yang lain. Di mana *Taikong* akan memperoleh pendapatan daripada pecahan panggu dan juga akan mendapat sepuluh peratus daripada pendapatan bersih ke atas keseluruhan hasil tangkapan dalam empat bulan setelah ditolak dengan kesemua kos perbelanjaan. Dianggarkan dalam empat bulan pendapatan bersih *Taikong* di antara RM25,000.00 hingga RM30,000.00. Pendapatan ini akan meningkat sekiranya *Taikong* berjaya memperoleh banyak hasil tangkapan.

Taikong memperoleh pendapatan daripada sepuluh peratus hasil pendapatan bersih dan tiga bahagian panggu. *Taikong* tidak akan memperoleh pendapatan tetap seperti mana yang didapati oleh *Enginear*, *Juru unjam* dan *Phoa krur*. Selain daripada itu, *Taikong* tidak akan menambahkan pendapatan

Jadual 5.2 : Anggaran Pendapatan Setiap Buruh Perikanan Thai Yang Bekerja Di Atas Bot Pukat Jerut Di Tok Bali, Kelantan Dalam Tempoh Empat Bulan

Jawatan	Bahagian Panggu	Nilai (RM)	Lain-lain Pendapatan							Jumlah	
			Peratusan Dari Jualan	Pendapatan Tetap/Bulanan	Purata Pendapatan Sampingan						
					Memancing Ikan/ Mencandat Sotong	*Membubu	Membuat Unjam	'Duit Petik'			
Taikong	3 Panggu	5,251.80	21,396.00 (10% Daripada Pendapatan Bersih)	Tiada	Tiada	Tiada	Tiada	Tiada	RM 26,647.80		
Phuchui Taikong	2 1/2 Panggu	4,376.50		Tiada	RM50.00 x 3 trip x 4 bulan = RM 600.00	RM 120.00	RM 5.00 x 4 bulan = RM 20.00	RM10.00 x 3 trip x 4 bulan = RM120.00	RM 5,236.50		
Nakkapprea	2 Panggu	3,501.20		Tiada	RM50.00 x 3 trip x 4 bulan = RM 600.00	RM 120.00	RM 5.00 x 4 bulan = RM 20.00	RM10.00 x 3 trip x 4 bulan = RM120.00	RM 4,361.20		
Nakdamnam	2 Panggu	3,501.20		Tiada	RM50.00 x 3 trip x 4 bulan = RM 600.00	RM 120.00	RM 5.00 x 4 bulan = RM 20.00	RM10.00 x 3 trip x 4 bulan = RM120.00	RM 4,361.20		
Phoa fei	2 Panggu	3,501.20		Tiada	RM50.00 x 3 trip x 4 bulan = RM 600.00	RM 120.00	RM 5.00 x 4 bulan = RM 20.00	RM10.00 x 3 trip x 4 bulan = RM120.00	RM 4,361.20		
Enginear	1 1/2 Panggu	3,625.90		Tiada	RM700.00	RM50.00 x 3 trip x 4 bulan = RM 600.00	RM 120.00	RM 5.00 x 4 bulan = RM 20.00	RM10.00 x 3 trip x 4 bulan = RM120.00	RM 4,185.90	
Juru unjam	1 1/2 Panggu	3,625.90		Tiada	RM600.00	RM600.00 x 4 bulan = RM 2,400.00	Tiada	Tiada	Tiada	RM 5,625.90	
Phoa krur	1 1/2 Panggu	3,625.90		Tiada	RM400.00	RM50.00 x 3 trip x 4 bulan = RM 600.00	RM 120.00	RM 5.00 x 4 bulan = RM 20.00	RM10.00 x 3 trip x 4 bulan = RM120.00	RM 3,885.90	
Jurucasbog	1 1/2 Panggu	3,625.90		Tiada	Tiada	RM50.00 x 3 trip x 4 bulan = RM 600.00	RM 120.00	RM 5.00 x 4 bulan = RM 20.00	RM5,00x4 kali x 22 hari x 4 bulan + RM 120.00 = RM 1,880.00	RM 5,245.90	
Juru winch	1 Panggu	1,750.60		Tiada	Tiada	RM50.00 x 3 trip x 4 bulan = RM 600.00	RM 120.00	RM 5.00 x 4 bulan = RM 20.00	RM10.00 x 3 trip x 4 bulan = RM120.00	RM 2,610.60	
Juru sauh	1 Panggu	1,750.60		Tiada	Tiada	RM50.00 x 3 trip x 4 bulan = RM 600.00	RM 120.00	RM 5.00 x 4 bulan = RM 20.00	RM10.00 x 3 trip x 4 bulan = RM120.00	RM 2,610.60	
Nakwang hear	1 Panggu	1,750.60		Tiada	Tiada	RM50.00 x 3 trip x 4 bulan = RM 600.00	RM 120.00	RM 5.00 x 4 bulan = RM 20.00	RM10.00 x 3 trip x 4 bulan = RM120.00	RM 2,610.60	

* Kerja-kerja *membubu* pukat hanya akan dibayar apabila pukat diturunkan dari bot dan kerja-kerja *membubu* melebihi dua hari.

dengan cara memancing. Berdasarkan hasil kajian yang dijalankan didapati walaupun terdapat sesetengah *Taikong* memancing bersama-sama dengan awak-awak lain semasa bot berlabuh di tengah laut, tetapi aktiviti memancing yang dijalankan adalah sekadar untuk menghabiskan masa lapang dan bukan bermotifkan untuk menambahkan pendapatan sampingan.

Taikong juga tidak mendapat bayaran daripada kerja-kerja *membubu* pukat kerana berdasarkan kajian yang dijalankan boleh dikatakan hampir keseluruhan *Taikong* di Tok Bali tidak menjalankan kerja-kerja *membubu* pukat dan sebaliknya tugas tersebut diserahkan sepenuhnya kepada *Phuchui Taikong* untuk melaksanakannya bersama-sama dengan awak-awak yang lain. Selain daripada itu, *Taikong* juga tidak memperoleh pendapatan daripada kerja-kerja membuat unjam dan menurunkan ikan.

Phuchui Taikong adalah orang yang kedua penting selepas *Taikong*, dianggarkan *Phuchui Taikong* akan memperoleh pendapatan antara RM5,000.00 hingga RM6,000.00 dalam tempoh empat bulan. Sumber pendapatan utama *Phuchui Taikong* adalah daripada pecahan panggu, iaitu sebanyak dua setengah panggu. Selain daripada itu, *Phuchui Taikong* juga memperoleh pendapatan sampingan daripada kerja-kerja memancing (RM600.00), *membubu* pukat (RM120.00), membuat unjam (RM20.00) dan duit petik (RM120.00).

Pendapatan daripada memancing banyak menyumbangkan sumber pendapatan kepada *Phuchui Taikong*, iaitu telah menyumbangkan sumber pendapatan antara sepuluh hingga 15 peratus daripada pendapatan bulanan. Oleh sebab itu, setiap kali bot berlabuh di laut, *Phuchui Taikong* akan mengambil kesempatan ini untuk memancing bersama-sama dengan awak-

awak lain. Walaupun *Phuchui Taikong* merupakan orang yang kedua penting selepas *Taikong* tetapi jurang pendapatan antara mereka adalah sangat kefara. Keadaan ini berlaku disebabkan *Phuchui Taikong* tidak menerima bayaran dalam bentuk peratusan daripada hasil tangkapan tetapi ia dibayar mengikut pecahan panggu.

Dalam Sistem Pembahagian Panggu yang diamalkan di Tok Bali, terdapat tiga jawatan penting di atas bot pukat jerut seperti *Nakkapprea*, *Nakdamnam* dan *Phoa fei*, masing-masing daripada mereka hanya memperoleh dua panggu setiap kali pembahagian dibuat. Selain daripada itu, mereka juga tidak menerima pendapatan dalam bentuk peratusan hasil tangkapan. Di samping itu, setiap daripada mereka tidak dibayar gaji secara tetap. Walaupun pendapatan hasil daripada pecahan panggu agak lumayan tetapi mereka masih berusaha menambah sumber pendapatan sampingan dengan melakukan kerja-kerja seperti memancing, *membubu* pukat, membuat unjam dan menurunkan ikan.

Dianggarkan pendapatan daripada pecahan panggu dan pendapatan sampingan yang diterima oleh *Nakkapprea* berjumlah antara RM4,000.00 hingga RM5,000.00. Pendapatan daripada hasil pecahan panggu yang diterima oleh *Nakkapprea* adalah antara RM3,400.00 hingga RM3,600.00 dalam tempoh empat bulan. *Nakkapprea* memperoleh pendapatan yang agak lumayan kerana kerja-kerja mengemudi bot memerlukan kemahiran yang tinggi dan mereka tidak dapat berehat dengan secukupnya semasa di laut berbanding dengan awak-awak yang lain.

Nakkapprea yang bekerja di atas bot pukat jerut juga tidak menerima bayaran dalam bentuk peratusan daripada hasil tangkapan seperti

mana yang diterima oleh *Taikong*. Selain daripada menerima pendapatan hasil daripada pecahan panggu, *Nakkapprea* juga memperoleh pendapatan sampingan daripada menjalankan kerja-kerja seperti memancing (RM600.00), *membubu* pukat (RM120.00), membuat unjam (RM20.00) dan menerima duit petik (RM120.00) daripada kerja-kerja mendaratkan ikan semasa di jeti.

Nakdamnam juga mendapat dua panggu setiap empat bulan sekali. *Nakdamnam* mendapat lebih pecahan panggu berbanding dengan *Nakwang hear* kerana semasa pukat tidak dapat dinaikkan ke atas bot, *Nakdamnam* terpaksa turun ke dalam laut untuk melihat dan menanggalkan tali kajar yang tersangkut pada kipas bot atau pada sayap bot. Kerja-kerja yang dijalankan oleh *Nakdamnam* terlalu mencabar dan amat berbahaya. Di samping itu, untuk menjalankan kerja-kerja ini memerlukan kepakaran yang tinggi dalam ilmu menyelam disebabkan setiap kali turun ke laut untuk menjalankan kerja-kerja tersebut, *Nakdamnam* langsung tidak dibekalkan dengan alat bantuan pernafasan.

Dalam empat bulan dianggarkan *Phoa fei* mendapat pendapatan daripada pecahan panggu sebanyak RM3,400.00 hingga RM3,600.00. *Phoa fei* mendapat dua panggu, hasil daripada menjalankan kerja-kerja menurunkan rumah api ke laut sebelum aktiviti memukat dijalankan. Selain daripada itu, *Phoa fei* juga bertanggungjawab memastikan bahawa pukat yang diturunkan dapat membuat satu lingkungan yang sempurna. Untuk menambahkan sumber pendapatan sampingan, *Phoa fei* juga akan memancing, *membubu*, membuat unjam dan menerima duit petik semasa kerja-kerja menurunkan ikan di jeti.

Engineer, Juru unjam, *Phoa krur* dan *Jurucasbog* masing-masing mendapat satu setengah panggu semasa pembahagian panggu dibuat. Pendapatan daripada pembahagian panggu ini dianggarkan sebanyak RM2,500.00 hingga RM2,800.00 dalam masa empat bulan. Selain daripada menerima pendapatan daripada pecahan panggu, mereka juga akan menerima bayaran gaji secara tetap setiap bulan. Mereka menerima wang berjumlah RM700.00 (*Engineer*), RM600.00 (Juru unjam) dan RM400.00 (*Phoa krur*). daripada majikan tempatan, walaupun hasil tangkapan yang diperoleh tidak memberangsangkan.

Walaupun *Engineer*, Juru unjam dan *Phoa krur* mendapat pendapatan tetap, tetapi dari segi pendapatan Juru unjam memperoleh pendapatan tertinggi di kalangan mereka. Dianggarkan dalam empat bulan Juru unjam akan memperoleh pendapatan bersih antara RM5,600.00 hingga RM5,800.00. Terdapat perbezaan pendapatan yang ketara di antara mereka disebabkan Juru unjam berpeluang menambahkan pendapatan sampingan mereka dengan memancing ketika menjaga unjam ibu di laut. Dianggarkan dalam tempoh empat bulan, pendapatan hasil daripada aktiviti memancing boleh mencecah RM2,300.00 hingga RM2,500.00.

Pendapatan sampingan lumayan yang diperoleh Juru unjam adalah disebabkan Juru unjam mempunyai masa yang banyak untuk memancing semasa bot ibu masuk ke jeti. Ini kerana bot Juru unjam tidak akan ikut bot ibu masuk ke jeti ketika mendaratkan ikan. Juru unjam hanya akan masuk ke jeti semula enam bulan akan datang. Semasa menjaga unjam di tengah laut, masa yang terluang ini telah digunakan untuk memancing. Semasa hendak menjualkan hasil pancing tersebut, *Phuchui Taikong* akan

menjadi orang tengah kepada Juru unjam untuk memasarkan hasil pancing kepada peraih ikan semasa bot ibu mendaratkan hasil tangkapan.

Semasa pembahagian panggu dijalankan, *Phoa krur* akan menerima satu setengah panggu. Walaupun menerima pendapatan tetap sebanyak RM400.00 setiap bulan tetapi *Phoa krur* masih berusaha untuk menambahkan pendapatan sampingannya dengan cara memancing, *membubu* pukat, membuat unjam dan mendaratkan ikan. Manakala bagi *Jurucasbog* pula akan memperoleh satu setengah panggu. Pendapatan yang diterima oleh *Jurucasbog* adalah lebih tinggi, iaitu dianggarkan dalam empat bulan telah memperoleh di antara RM1,800.00 hingga RM1,900.00 daripada kerja-kerja menaikkan air batu ke atas *dek* dan menguruskan penyimpanan ikan di dalam *hompral*. Dalam empat bulan dianggarkan *Jurucasbog* akan turun ke *hompral* sebanyak 352 kali dan setiap kali mengendalikan kerja-kerja ini akan dibayar sebanyak RM5.00.

Dalam pembahagian panggu, Juru *winch*, Juru sauh dan *Nakwang hear* hanya akan mendapat satu panggu sahaja. Dianggarkan dalam empat bulan mereka akan memperoleh antara RM1,700.00 hingga RM1,900.00. Namun begitu, untuk menambahkan sumber pendapatan sampingan, mereka akan mengambil kesempatan untuk memancing semasa bot berlabuh di tengah laut. Dengan menjalankan kerja-kerja memancing, *membubu*, membuat unjam dan menerima upah daripada kerja-kerja menurunkan ikan, secara tidak langsung telah meningkatkan sumber pendapatan bulanan mereka.

5.4 SUMBER PENDAPATAN BOT PUKAT TUNDA

Sumber perikanan yang diperoleh oleh bot pukat tunda bagi setiap trip adalah tidak tetap. Secara bandingan hasil tangkapan daripada bot pukat tunda adalah lebih rendah daripada bot pukat jerut. Dianggarkan hasil tangkapan untuk setiap trip ke laut adalah antara RM16,000.00 hingga RM18,000.00. Seperti pukat jerut, pendapatan daripada hasil tangkapan setiap trip tidak akan terus dibahagikan antara majikan tempatan dengan buruh perikanan Thai. Pembahagian hanya dibuat melalui Sistem Panggu.

Seperti amalan pukat jerut, pembahagian panggu hanya dilakukan empat bulan sekali. Ini kerana hasil tangkapan dipengaruhi oleh musim dan jenis hasil tangkapan. Setiap kali buruh perikanan Thai ke laut akan memperoleh hasil tangkapan yang berbeza-beza. Iaitu pada awal bulan Januari hingga Mac, hasil tangkapan adalah lebih kepada udang, sementara pada bulan April hingga Jun, hasil tangkapan adalah sotong. Manakala pada bulan Julai hingga Oktober hasil tangkapan adalah terdiri daripada ikan. Pada musim menunda sotong, buruh perikanan Thai memperoleh hasil pendapatan sampingan yang lebih tinggi kerana sepanjang bulan ini, mereka berpeluang melakukan aktiviti *mencandat* sotong.

Jadual 5.3 menunjukkan hasil tangkapan bagi bot pukat tunda selama empat bulan dan di tolakan dengan jumlah kos perbelanjaan yang digunakan semasa keluar ke laut. Antara kos yang digunakan adalah seperti pembelian barang keperluan dapur, minyak diesel, air batu, pembaikan peralatan menangkap ikan, duit petik, bayaran penggunaan jeti, kos upah bulanan buruh perikanan Thai, pembelian tong ikan dan lain-lain kos. Setelah mendapat pendapatan bersih, sepuluh peratus daripadanya akan diberikan

Jadual 5.3 : Kaedah Pengiraan Panggu Bagi Bot Pukat Tunda Di Tok Bali Dalam Tempoh Empat Bulan

A. Hasil Pendapatan Empat Bulan	RM 200,000.00
B. Kos Perbelanjaan	
- Keperluan Dapur Semasa Di Atas Bot	RM 2,400.00
- Keperluan Minyak Diesel (7,000 Liter x 3 trip x 4 bulan x RM 0.90)	RM 75,600.00
- Air Batu (300 Blok x 3 trip x 4 bulan RM 9.00)	RM 32,400.00
- Purata Kos Kerosakan Peralatan	RM 5,000.00
- Duit Petik (11 orang x 3 trip x 4 bulan x RM 10.00)	RM 1,320.00
- Penggunaan Jeti (3 trip x 4 bulan x RM 50.00)	RM 600.00
- Kos Membubu Pukat (11 orang x 3 trip x 4 bulan x RM 10.00)	RM 1,320.00
 - Kos Upah Bulanan - <i>Engineer</i> (RM500.00 x 4 bulan) = RM 2,000.00 - <i>Phoa kurur</i> (RM4.00.00 x 4 bulan) = RM 1,600.00	 RM 3,600.00
 - Tong Ikan (60 unit x 3 trip x 4 bulan x RM2.50)	 RM 1,800.00
 - Lain-lain Kos	 RM 2,000.00
 Jumlah Bersih (A-B)	 RM 73,960.00
C. Pendapatan <i>Taikong</i> (10% daripada Jumlah Bersih)	RM 7,396.00
 Jumlah Setelah Tolak Bahagian <i>Taikong</i>	 RM 66,564.00
D. Pembahagian 50% Kepada Majikan	RM 33,282.00
E. Pembahagian 50 % Kepada Awak-awak (12 orang)	RM 33,282.00

kepada *Taikong* dan selebihnya akan dibahagikan 50 peratus untuk majikan tempatan dan 50 peratus untuk kesemua awak-awak di atas bot.

Faktor utama sebab Sistem Pembahagian Panggu dijalankan dalam tempoh empat bulan, ialah satu strategi yang dilakukan oleh pihak majikan tempatan untuk mengawal buruh perikanan Thai daripada berpindah ke bot lain seperti mana yang dipraktikkan oleh majikan bot pukat jerut. Ini kerana mereka akan berpindah ke bot lain sekiranya berlaku perselisihan faham sesama sendiri semasa di atas bot. Seandainya buruh perikanan berpindah ke bot lain atau berhenti secara mengejut, ia akan mendatangkan masalah kepada majikan tempatan untuk mengisi kekosongan ini dalam masa yang terdekat. Selain daripada itu, pembahagian panggu juga boleh diawalkan di antara majikan tempatan dengan buruh perikanan Thai atas sebab-sebab tertentu seperti majikan tempatan memerlukan wang tunai untuk membaiki kerosakan enjin bot yang melibatkan kos yang tinggi.

Setiap kali hasil tangkapan didaratkan di jeti akan direkodkan oleh pengurus ikan dan jumlah hasil tangkapan akan diberitahu kepada majikan dan *Taikong*. Secara purata dalam empat bulan bot pukat tunda akan keluar ke laut sebanyak 12 trip dan dianggarkan hasil pendapatan yang diperoleh dalam tempoh ini sekitar RM200,000.00.

5.5 KOS PERBELANJAAN BOT PUKAT TUNDA DALAM EMPAT BULAN

Berdasarkan Jadual 5.3 kos perbelanjaan untuk keperluan dapur bagi sebuah bot pukat tunda dalam empat bulan dianggarkan sebanyak RM2,400.00. Secara puratanya untuk setiap bulan, seorang buruh perikanan Thai yang bekerja di atas bot pukat tunda akan menggunakan kira-kira

RM50.00. Kesemua kos perbelanjaan yang digunakan sepanjang empat bulan akan ditanggung oleh pihak majikan terlebih dahulu dan kemudian kesemua kos ini akan ditolak semula semasa pembahagian panggu dijalankan.

Kos keperluan dapur yang digunakan di atas bot pukat tunda adalah kecil disebabkan bilangan buruh perikanan Thai yang bekerja di atas adalah seramai 12 orang sahaja. Tambahan pula bukan semua barang dapur yang digunakan di atas bot dibeli dari kedai runcit di Tok Bali. Terdapat barang-barang tertentu seperti beras, minyak, bawang, gula di beli dari negara Thailand kerana harganya lebih murah. Setiap kali bot mendarat di Thailand, barang-barang ini akan dibeli dalam kuantiti yang banyak untuk kegunaan sebulan.

Kos perbelanjaan yang paling tinggi dalam empat bulan adalah datang dari kos minyak diesel. Dalam tempoh empat bulan dianggarkan majikan tempatan terpaksa menyediakan sebanyak RM75,600.00 bagi membayar kos minyak diesel. Bagi mengurangkan kos perbelanjaan untuk setiap trip ke laut, majikan tempatan akan mengarahkan *Taikong* supaya mengisi minyak di pam yang memberi kemudahan kredit. Secara puratanya setiap kali bot pukat tunda ke laut akan menggunakan kira-kira 7,000 liter minyak diesel. Dalam empat bulan secara puratanya sebuah bot pukat tunda akan menggunakan kira-kira 84,000 liter minyak diesel.

Kos kedua tinggi ialah air batu. Setiap kali bot pukat tunda keluar ke laut akan menggunakan kira-kira 300 blok air batu. Dalam 12 trip ke laut dianggarkan akan menggunakan sebanyak 3,600 blok air batu dan kos untuk setiap blok dijual dengan harga RM9.00. Oleh sebab itu, dalam empat bulan dianggarkan kos untuk air batu berjumlah RM32,400.00. Setiap bot pukat

tunda di Tok Bali menggunakan air batu yang banyak disebabkan setiap kali keluar ke laut mengambil masa antara tujuh hingga sepuluh hari. Kajian mendapati setiap bot pukat tunda yang beroperasi di Tok Bali tidak dilengkапkan dengan alat sistem penyejukan air laut (RSW).

Selama empat bulan bot pukat tunda beroperasi di laut, keseluruhan kos yang diperlukan untuk membaiki enjin bot dan peralatan menangkap ikan dianggarkan berjumlah RM5,000.00. Kebiasaannya empat bulan sekali keseluruhan bahagian enjin bot akan diservis. Antara barang-barang yang biasa ditukar dengan yang baru adalah seperti tali kipas enjin, mentol *sportlight*, minyak pelincir, dan penapis minyak. Oleh sebab itu, kos perbelanjaan untuk membaiki enjin bot dan lain-lain perkakas bot akan dikira sebagai perbelanjaan tetap dan baki wang yang tidak digunakan akan dimasukkan dalam tabung untuk kegunaan membaiki bot pada masa akan datang.

Pembayaran duit petik adalah dikirakan sebagai salah satu kos perbelanjaan dalam Sistem Pembahagian Panggu. Duit petik dibayar kepada 11 orang awak-awak yang melakukan kerja-kerja penggredan ikan semasa di tengah laut, proses mengeluarkan semula ikan yang disimpan di dalam *kabat* seterusnya dinaikkan ke jeti untuk dipasarkan. Dalam tempoh empat bulan dianggarkan majikan tempatan terpaksa memperuntukkan duit petik sebanyak RM1,320.00 untuk dibayar kepada 11 orang awak-awak. Kebiasaannya duit petik akan terus dibayar sebaik sahaja kerja-kerja menurunkan hasil tangkapan selesai dijalankan.

Majikan tempatan akan memberikan duit petik kepada *Taikong* untuk dibahagikan secara purata kepada semua awak-awak di atas bot. Jumlah pembayaran duit petik dibuat bergantung pada hasil tangkapan pada setiap trip. Biasanya dalam setiap trip secara puratanya seorang awak-awak akan memperoleh RM10.00 untuk kerja-kerja menurunkan ikan. Sekiranya pada musim terdapat banyak hasil tangkapan, iaitu pada bulan Julai hingga akhir September, setiap awak-awak akan berjaya memperoleh duit petik antara RM10.00 hingga RM15.00. Walaupun demikian, pembayaran duit petik hanya kepada awak-awak yang menjalankan kerja menurunkan hasil tangkapan. Dalam kes ini *Taikong* dikecualikan daripada menerima duit petik kerana semasa di tengah laut mahupun di jeti, *Taikong* tidak melibatkan diri dalam kerja-kerja tersebut.

Salah satu kos perbelanjaan bot pukat tunda yang paling rendah adalah bayaran ke atas penggunaan jeti. Kos penggunaan jeti dianggarkan dalam empat bulan berjumlah RM600.00. Ini kerana setiap kali bot pukat tunda mendaratkan hasil tangkapan di jeti akan dikenakan bayaran sebanyak RM50.00. Setiap kali mendarat di jeti, bot pukat tunda boleh menggunakan segala kemudahan yang disediakan di jeti seperti menggunakan bekalan air bersih, memasang lampu di jeti dan menggunakan ruang di jeti untuk meletakkan tong ikan. Oleh sebab itu, setiap majikan tidak boleh mengelakkan daripada membayar kos tersebut. Walaupun majikan tempatan menggunakan jetinya sendiri, kos penggunaan jeti turut akan dikenakan setiap kali bot mendarat di jeti.

Bayaran upah kepada awak-awak yang menjalankan kerja-kerja membubu pukat akan dikirakan dalam keseluruhan kos perbelanjaan bot pukat

tunda. Biasanya majikan tempatan akan membayar kepada semua awak-awak yang terlibat dalam kerja-kerja *membubu* pukat yang mengambil masa melebihi duå hari. Dianggarkan dalam tempoh empat bulan, majikan tempatan terpaksa memperuntukkan sebanyak RM1,320.00 kepada 11 orang awak-awak bagi membayar kos upah *membubu* pukat.

Selain daripada itu, terdapat beberapa tugas pengkhususan di atas bot pukat tunda yang akan menerima gaji bulanan secara tetap. Dalam empat bulan, majikan tempatan terpaksa memperuntukkan sebanyak RM3,600.00 untuk membayar gaji bulanan kepada *Enginear* dan *Phoa krur*, masing-masing daripada mereka akan menerima RM2,000.00 dan RM1,600.00. Kesemua bayaran ini akan dikumpulkan dan dibayar secara tunai semasa pembahagian panggu dijalankan. Bayaran ini akan terus diterima oleh mereka walaupun hasil tangkapan yang diperoleh tidak memuaskan.

Pembelian tong ikan akan dikira dalam kos perbelanjaan bot pukat tunda. Setiap kali bot pukat tunda mendaratkan hasil tangkapan, pengurus ikan akan menyediakan sebanyak 60 buah tong ikan sebelum bot masuk ke jeti. Dianggarkan dalam empat bulan, majikan tempatan terpaksa memperuntukkan sebanyak RM1,800.00 untuk menyediakan 720 tong ikan. Setiap tong ikan yang baru dijual dengan harga RM2.50 seunit. Untuk menjimatkan kos pembelian tong ikan, biasanya pengurus ikan akan membeli semula tong ikan yang terpakai daripada peraih ikan di sekitar Pasir Putih dengan harga RM2.00 seunit.

Selain daripada itu dalam tempoh empat bulan, majikan akan memperuntukkan sebanyak RM2,000.00 untuk kegunaan lain-lain kos.

Kebiasaan kos ini akan digunakan sepenuhnya semasa berlakunya masalah-masalah di luar jangkaan. Misalnya, majikan tempatan akan menggunakan peruntukan ini untuk membayar bil perubatan semasa awak-awak menerima rawatan di klinik sekitar Pasir Putih.

Dianggarkan keseluruhan kos perbelanjaan bot pukat tunda adalah sebanyak RM126,040.00. Semua kos perbelanjaan akan ditanggung sepenuhnya oleh majikan tempatan tetapi secara realitinya semua kos perbelanjaan ini ditanggung sebahagiannya oleh semua awak-awak yang bekerja di atas bot tunda.

5.6 SISTEM PEMBAHAGIAN PANGGU DALAM BOT PUKAT TUNDA

Untuk melihat purata pendapatan setiap buruh perikanan Thai yang bekerja di atas bot tunda boleh dikenal pasti setelah menggunakan Sistem Pembahagian Panggu. Selain daripada itu, ia juga digunakan untuk menentukan keuntungan yang diperoleh majikan tempatan sepanjang empat bulan melabur dalam sektor perikanan. Setiap awak-awak yang bekerja di atas bot pukat tunda tidak akan memperoleh pendapatan yang sama. Ini kerana pembahagian pendapatan bagi mereka yang bekerja di atas bot pukat tunda tidak dibahagikan secara purata sesama sendiri tetapi pendapatan yang diterima adalah berdasarkan kepada pecahan panggu.

Pembahagian panggu akan dijalankan apabila mendapat persetujuan antara majikan tempatan dan *Taikong*. Walaupun pembahagian pendapatan yang dijalankan mengikut tempoh yang dipersetujui antara dua pihak. Namun begitu, pembahagian panggu masih dapat diawalkan apabila kedua-dua pihak bersetuju hendak berbuat demikian. Biasanya pembahagian

panggu akan diawalkan apabila berlaku perubahan dalam setiap musim tangkapan, seperti pada musim menunda udang berakhir dan bermulanya musim menunda sotong dan ikan. Selain daripada itu, seperti yang telah dinyatakan sebelum ini iaitu apabila tibanya musim perayaan seperti Hari Raya Aidilfitri, Perayaan Songkram dan Perayaan Wesak. Biasanya *Taikong* akan memberitahu kepada majikan tempatan supaya mengawalkan pembahagian panggu. Dalam masa yang sama majikan tempatan juga akan mempercepatkan pembahagian panggu semasa memerlukan perbelanjaan yang tinggi untuk membaiki kerosakan pada bot.

Sistem Pembahagian Panggu yang diamalkan dalam bot pukat tunda di Tok Bali adalah secara tunai. Setiap urusan pembayaran dilakukan tidak terhad kepada penggunaan Ringgit Malaysia sahaja tetapi ia juga dijalankan dengan menggunakan nilai bath. Semasa proses pembayaran di buat, tiga orang sahaja yang akan terlibat, iaitu majikan tempatan, *Taikong* dan pengurus ikan. Manakala awak-awak yang lain hanya akan menunggu di jeti.

Taikong akan membahagikan wang yang diterima daripada majikan kepada semua awak-awak mengikut pecahan panggu masing-masing. Setelah menerima bayaran, *Taikong* akan membahagikan terus kepada semua awak-awak sebelum balik ke Thailand. Oleh sebab itu, untuk mengelakkan daripada kehilangan atau kecurian, biasanya *Taikong* tidak akan membayar sepenuhnya hasil pendapatan daripada pecahan panggu, sebaliknya bakinya akan diberikan keseluruhannya semasa bot sampai ke Thailand. Semasa di Tok Bali, *Taikong* akan memberi RM100.00 hingga RM200.00 sebagai wang pendahuluan. Tujuan *Taikong* berbuat sedemikian adalah untuk mengelakkan wang yang diterima ini digunakan secara boros di Tok Bali.

Terdapat sesetengah *Taikong* bot pukat tunda tidak akan membahagikan terus wang yang diterima daripada majikan tempatan. *Taikong* akan memegang keseluruhan wang dan menuarkannya kepada Thai bath setelah bot sampai ke Thailand. Sebelum mengambil tindakan ini, terlebih dahulu *Taikong* akan berbincang dengan semua awak-awak untuk mendengar pandangan mereka. Apabila semua awak-awak bersetuju, sebelum bot masuk ke jeti Narathiwat, bot akan singgah terlebih dahulu di Tak Bai untuk menuarkan wang tersebut. Tujuan *Taikong* berbuat sedemikian adalah kerana kadar pertukaran wang yang terdapat di Tak Bai atau Golok adalah lebih tinggi berbanding dengan nilai pertukaran di Narathiwat.

Selepas menukar wang, *Taikong* akan membahagikan wang tersebut kepada semua awak-awak di atas bot. Semasa pembahagian itu dijalankan, *Taikong* akan membayar seorang demi seorang dan bayaran tidak di buat secara terbuka. Di mana wang ini akan dimasukkan ke dalam sampul surat dan *Taikong* hanya memberitahu nilainya dan tidak menunjukkan cara-cara pembahagian dilakukan. Tujuan *Taikong* berbuat sedemikian adalah ingin mengelakkan daripada timbulnya perasaan ketidakpuasan hati di kalangan mereka. Oleh sebab itu, sepanjang pembahagian dijalankan, *Taikong* akan menguruskannya sendiri tanpa mendapat bantuan daripada *Phuchui*. *Taikong* disebabkan bilangan awak-awak yang bekerja adalah 12 orang sahaja.

Semasa membuat pecahan panggu di atas bot pukat tunda, biasanya pembayaran tidak dibuat mengikut keutamaan pengkhususan kerja. Hasil kajian mendapati *Taikong* akan memanggil dan membayar kepada awak-awak yang pernah berhutang terlebih dahulu. Semasa pembayaran dijalankan, *Taikong* tidak akan menolak kesemua jumlah wang yang dipinjam sebaliknya

mereka dibenarkan membayar dua hingga tiga kali ansuran pada pembahagian akan datang tanpa dikenakan bayaran tambahan. Tujuan *Taikong* berbuat sedemikian adalah untuk menggelakkan awak-awak di atas bot berhenti atau berpindah ke bot lain. Seandainya perkara ini berlaku sudah tentu ia akan mendatang masalah kepada *Taikong* untuk mencari buruh perikanan Thai yang lain dalam masa yang terdekat.

5.6.1 PENDAPATAN BURUH PERIKANAN THAI DALAM BOT PUKAT TUNDA

Berdasarkan kepada Jadual 5.4 dapat dijelaskan bahawa sumber pendapatan buruh perikanan Thai di atas bot pukat tunda adalah datang dari sumber pecahan panggu dan hasil pendapatan sampingan. Dalam pembahagian pendapatan di atas bot pukat tunda menunjukkan tidak terdapat perbezaan yang besar antara satu sama lain. *Taikong* akan memperoleh pendapatan daripada pecahan panggu dan juga akan mendapat sepuluh peratus daripada pendapatan bersih ke atas keseluruhan hasil tangkapan dalam empat bulan. Dianggarkan *Taikong* akan memperoleh pendapatan antara RM12,000.00 hingga RM15,000.00. Pendapatan yang diterima ini tidak tetap dan boleh berubah-ubah bergantung pada hasil tangkapan.

Taikong akan mendapat sepuluh peratus daripada hasil pendapatan bersih dalam empat bulan dan tiga panggu. *Taikong* tidak dibayar dalam bentuk gaji tetap seperti mana yang diterima oleh *Enginear*, Juru unjam dan *Phoa krur*. Selain daripada itu, hasil kajian mendapati *Taikong* tidak akan menambahkan pendapatan dengan cara memancing, *membubu* pukat dan menurunkan ikan. Semua kerja tersebut diserahkan kepada *Phuchui Taikong* untuk melaksanakannya bersama-sama dengan awak-awak yang lain.

Jadual 5.4 : Anggaran Pendapatan Setiap Buruh Perikanan Thai Yang Bekerja Di Atas Bot Pukat Tunda Di Tok Bali, Kelantan Dalam Tempoh Empat Bulan

Jawatan	Bahagian Panggu	Nilai (RM)	Lain-lain Pendapatan					Jumlah (RM)	
			Peratusan Dari Jualan	Pendapatan Tetap/Bulanan	Pendapatan Sampingan				
					Memancing Ikan/ Mencandat Sotong	*Membubu	'Duit Petik'		
Taikong	3 Panggu	5,705.40	7,396.00 (10% Daripada Pendapatan Bersih)	Tiada	Tiada	Tiada	Tiada	13,101.40	
Phuchui Taikong	21/2 Panggu	4,754.50	Tiada	Tiada	RM540.00 x 3 trip x 4 bulan = RM 6,480.00	RM 120.00	RM 10.00 x 3 trip x 4 bulam = RM 120.00	11,474.50	
Nakkapprea	2 Panggu	3,803.60	Tiada	Tiada	RM540.00 x 3 trip x 4 bulan = RM 6,480.00	RM 120.00	RM 10.00 x 3 trip x 4 bulam = RM 120.00	10,523.60	
Phoa krur	11/2 Panggu	2,852.70	Tiada	RM400.00	RM540.00 x 3 trip x 4 bulan = RM 6,480.00	RM 120.00	RM 10.00 x 3 trip x 4 bulam = RM 120.00	9,972.70	
Enginear	11/2 Panggu	2,852.70	Tiada	RM700.00	RM540.00 x 3 trip x 4 bulan = RM 6,480.00	RM 120.00	RM 10.00 x 3 trip x 4 bulam = RM 120.00	10,272.70	
Jurucasbog	1. Panggu	1,901.80	Tiada	Tiada	RM540.00 x 3 trip x 4 bulan = RM 6,480.00	RM 120.00	RM 5.00 x 3 x 21 x hari x 4 bulan= RM 1,260.00	9,761.80	
Juru wind	1 Panggu	1,901.80	Tiada	Tiada	RM540.00 x 3 trip x 4 bulan = RM 6,480.00	RM 120.00	RM 10.00 x 3 trip x 4 bulam = RM 120.00	8,621.80	
Juru sauh	1 Panggu	1,901.80	Tiada	Tiada	RM540.00 x 3 trip x 4 bulan = RM 6,480.00	RM 120.00	RM 10.00 x 3 trip x 4 bulam = RM 120.00	8,621.80	
Nakwang hear	1 Panggu	1,901.80	Tiada	Tiada	RM540.00 x 3 trip x 4 bulan = RM 6,480.00	RM 120.00	RM 10.00 x 3 trip x 4 bulam = RM 120.00	8,621.80	

* Kerja-kerja *membubu* pukat hanya akan dibayar apabila pukat diturunkan dari bot dan kerja-kerja *membubu* melebihi dua hari

Phuchui Taikong adalah orang yang kedua penting selepas *Taikong* dan dianggarkan dalam tempoh empat bulan, *Phuchui Taikong* akan memperoleh pendapatan antara RM11,000.00 hingga RM12,000.00. Daripada jumlah ini, RM4,000.00 hingga RM5,000.00 diperoleh daripada dua setengah panggu. Di samping itu, *Phuchui Taikong* juga akan menerima hasil pendapatan sampingan semasa menjalankan kerja-kerja memancing dan *mencandat* sotong. Pendapatan yang diterima dalam empat bulan dianggarkan berjumlah RM6,480.00. Selain daripada itu, *Phuchui Taikong* juga akan mendapat RM120.00 dari kerja-kerja *membubu* pukat dan RM120.00 untuk kerja-kerja penggredan ikan dan menurunkan ikan semasa bot mendarat di jeti.

Pendapatan daripada *mencandat* sotong telah menyumbangkan sumber pendapatan sampingan kepada *Phuchui Taikong*, sumber pendapatan daripada *mencandat* sotong telah melebihi daripada hasil pecahan panggu. Oleh sebab itu, setiap kali bot berlabuh di laut, *Phuchui Taikong* akan mengambil kesempatan untuk *mencandat* sotong bersama-sama dengan awak-awak lain. Walaupun *Phuchui Taikong* merupakan orang yang kedua penting selepas *Taikong* tetapi sumber pendapatan yang diterima daripada pecahan panggu adalah dianggarkan sebanyak RM4,754.50. Perkara ini berlaku disebabkan *Phuchui Taikong* tidak dibayar dalam bentuk peratusan daripada hasil tangkapan. Bagi menambahkan sumber pendapatan *Phuchui Taikong* akan melakukan kerja-kerja memancing dan *mencandat* sotong.

Di atas bot pukat tunda terdapat dua pengkhususan kerja seperti *Enginear* dan *Phoa krur* yang akan menerima bayaran dalam bentuk gaji bulanan. Selain daripada mendapat gaji tetap, mereka akan mendapat satu

setengah panggu setiap seorang semasa pembahagian panggu dijalankan. Selain daripada itu, mereka juga akan mendapat pendapatan sampingan daripada menjalankan kerja-kerja *mencandat* sotong, memancing, *membubu* pukat dan menurunkan hasil tangkapan semasa bot mendarat di jeti. Pendapatan daripada *mencandat* sotong telah mempengaruhi sumber pendapatan *Enginear* dan *Phoa krur* di bot pukat tunda, dianggarkan pendapatan daripada aktiviti memancing dan *mencandat* sotong sebanyak RM6,480.00, hasil pendapatan daripada pecahan panggu RM2,852.70, *membubu* pukat RM120.00 dan kerja-kerja menurunkan hasil tangkapan RM120.00.

Pendapatan yang diterima oleh *Nakkapprea* dalam tempoh empat bulan bersama-sama dengan pendapatan sampingan adalah berjumlah antara RM10,000.00 hingga RM12,000.00. *Nakkapprea* akan memperoleh dua panggu dan pendapatan daripada pecahan panggu adalah antara RM3,000.00 hingga RM4,000.00. *Nakkapprea* mendapat dua panggu disebabkan tugas sebagai pengemudi memerlukan kemahiran yang tinggi dan kerja-kerja mengemudi bot tidak dapat berehat dengan secukupnya semasa di laut.

Nakkapprea yang bekerja di atas bot pukat tunda juga tidak menerima bayaran dalam bentuk peratusan daripada hasil tangkapan seperti mana yang diterima oleh *Taikong*. Selain daripada pendapatan daripada pecahan panggu, *Nakkapprea* juga memperoleh pendapatan sampingan daripada menjalankan kerja-kerja seperti memancing dan *mencandat* sotong RM6,480.00, *membubu* RM120.00 dan menerima duit petik RM120.00 daripada kerja-kerja mendaratkan ikan semasa di jeti.

Enginear dan *Phoa krur* akan memperoleh dua panggu setiap kali pembahagian panggu dijalankan. Pendapatan daripada satu panggu yang diperoleh oleh *Enginear* adalah antara RM2,500.00 hingga RM3,000.00 walaupun mereka mendapat pecahan panggu yang sama, tetapi dari segi pendapatan yang diterima adalah berbeza-beza. Perkara ini berlaku disebabkan *Enginear* akan mendapat pendapatan tetap sebanyak RM700.00, manakala *Phoa krur* hanya mendapat RM400.00. Dianggarkan dalam empat bulan pendapatan bersih *Enginear* RM10,272.70, dan *Phoa krur* RM9,972.70. Jumlah pendapatan mereka bertambah begitu ketara disebabkan hasil daripada memancing dan *mencandat* sotong RM6,480.00.

Jurucasbog, *Juru winch*, *Juru sauh* dan *Nakwang hear* akan mendapat satu panggu semasa pembahagian panggu dijalankan. Namun begitu, pendapatan yang diterima oleh mereka adalah berbeza-beza dan dianggarkan dalam empat bulan pendapatan *Juru winch*, *Juru sauh* dan *Nakwang hear* adalah sama iaitu RM8,621.80 tetapi *Jurucasbog* dianggarkan mendapat RM9,761.80. *Jurucasbog* mendapat pendapatan lebih tinggi kerana ia menjalankan kerja-kerja seperti penggredan ikan, turun ke dalam *hompral* untuk menaikkan air batu dan menyimpan semula hasil tangkapan yang diisi dalam *kabat* ke *hompral*.

Pendapatan buruh perikanan Thai yang bekerja di atas bot pukat tunda adalah lebih tinggi jika dibandingkan dengan mereka yang bekerja di atas bot pukat jerut. Secara keseluruhan jumlah pendapatan daripada pecahan panggu dan pendapatan sampingan bolehlah dianggap lumayan. Hasil kajian mendapati dalam empat bulan, pendapatan mereka dianggarkan

berjumlah di antara RM8,000.00 hingga RM14,000.00 di mana sebahagian besar pendapatan datang daripada hasil memancing dan *mencandat* sotong.

5.7 PERBELANJAAN BURUH PERIKANAN THAI

Jadual 5.5 menunjukkan anggaran kos perbelanjaan buruh perikanan Thai di Tok Bali dalam tempoh empat bulan. Berdasarkan hasil kajian yang telah dijalankan, didapati terdapat seramai 14 orang atau 8.00 peratus daripada 175 pensampelan yang diambil telah berbelanja kurang daripada RM400.00 dalam tempoh empat bulan. Secara puratanya dalam sebulan kos perbelanjaan mereka adalah tidak melebihi RM100.00. Kos perbelanjaan mereka kurang disebabkan sepanjang mereka bekerja di atas bot, semua kos berbelanja untuk makan, minum telah ditanggung oleh pihak majikan tempatan. Keadaan ini juga berlaku kerana terdapat sesetengah daripada buruh perikanan Thai tidak menghisap rokok dan minum minuman keras. Oleh sebab itu, kos perbelanjaan mereka hanya membeli makanan dan minuman serta membeli barang-barang keperluan lain seperti sabun, ubat gigi, alat memancing semasa berada di jeti Tok Bali.

Manakala terdapat seramai 74 orang atau 42.29 peratus buruh perikanan Thai telah membelanjakan antara RM401.00 hingga RM800.00 dalam tempoh empat bulan. Perbelanjaan di kalangan mereka meningkat disebabkan pendapatan yang diperoleh telah digunakan untuk membeli rokok dan minuman keras. Biasanya semasa bot mendarat di Thailand, bagi mereka yang kaki minum akan membelinya di kedai yang berdekat dengan jeti dan minum bersama-sama di atas bot. Antara arak yang biasa di beli oleh mereka adalah seperti *Singha Beer*, *Kloster Beer*, *Tiger Beer*, *Heineken*, *Chang Beer* dan *Thai Beer*. Berdasarkan pemerhatian yang dijalankan didapati buruh

**Jadual 5.5 : Anggaran Kos Perbelanjaan Buruh Perikanan Thai
Dalam Empat Bulan**

Perbelanjaan (RM)	Bilangan (Orang)	Peratusan
Kurang RM 400	14	8.00
RM 401- RM 800	74	42.29
RM 801- RM 1,200	63	36.00
RM 1,201- RM 1,600	16	9.14
RM1,601- RM 2,000	2	1.14
RM 2,001 Keatas	6	3.43
Jumlah	175	100.00

perikanan Thai lebih suka minum arak jenis *Chang Beer*, kerana arak ini boleh didapati dengan mudah dan dijual dengan harga murah, iaitu 25 bath setin (RM2.50).

Selain daripada minum arak, mereka juga telah menggunakan pendapatan yang diperoleh untuk membeli rokok. Berdasarkan hasil kajian yang dijalankan didapati secara puratanya dalam empat bulan buruh perikanan Thai akan membeli 40 bungkus rokok. Di mana setiap bulan bot mendarat ikan di Thailand, buruh perikanan Thai akan membeli satu karton rokok jenis L & M (10 bungkus x 20 batang).

Selain daripada membeli rokok, arak dan berbelanja untuk makanan, terdapat juga sesetengah buruh perikanan Thai akan bermain judi di atas bot setelah menerima bayaran duit petik. Jenis-jenis perjudian yang selalu dimainkan oleh mereka adalah *bamlak* dan *blackjack*. Biasanya mereka akan bermain judi dengan awak-awak yang bekerja di atas bot yang sama dan tidak bermain dengan penduduk tempatan. Semasa bermain judi mereka akan duduk dalam satu bulatan, setiap satu pusingan tidak boleh bertaruh melebihi daripada RM1.00. Hasil kajian mendapati, setiap kali bermain judi, mereka tidak mengeluarkan duit taruhan tetapi hanya menyebutkan nilai taruhannya. Setiap satu pusingan permainan akan direkodkan dan pemain yang kalah akan menjelaskan keseluruhan wang taruhan kepada pemenang pada akhir permainan. (Sila lihat Gambar 5.1)

Terdapat seramai 63 orang atau 36.00 peratus buruh perikanan Thai di Tok Bali telah berbelanja antara RM801.00 hingga RM1,200.00 untuk membeli makanan, rokok, berjudi dan membeli arak. Biasanya mereka akan berbelanja untuk barang-barang di atas setelah menerima wang pecahan

Gambar 5.1 : Buruh Perikanan Thai Sedang Berjudi Setelah Menerima Duit Panggu



panggu. Pendapatan ini akan dibelanjakan semasa berada di Thailand. Selain daripada itu, terdapat seramai 16 orang atau 9.14 peratus buruh perikanan Thai telah berbelanja hasil pendapatan mereka RM1,201.00 hingga RM1,600.00. Perbelanjaan ini termasuklah makanan, rokok, arak, berjudi dan ke pusat hiburan yang terdapat di Narathiwat dan Pattani. Hasil kajian mendapati setelah mereka mendapat wang panggu, sesetengah daripada mereka akan berseronok di beberapa pusat hiburan seperti pusat perjudian, pusat pelacuran dan pusat karaoke yang terdapat di Thailand. Selain daripada itu, sebahagian daripada wang ini akan digunakan untuk membeli majalah hiburan, cakera padat lucah dan cakera padat karaoke yang boleh didapatkan dengan mudah semasa di Thailand.

Daripada keseluruhan buruh perikanan Thai tersebut, terdapat dua orang atau 1.14 peratus telah berbelanja wang sebanyak RM1,601.00 hingga RM2,000.00 untuk makanan, rokok, arak, majalah hiburan, cakera padat dan mendapatkan hiburan di pusat perjudian, pelacuran, karaoke dan sebagainya. Hasil kajian mendapati terdapat 1.14 peratus adalah buruh perikanan Thai dari wilayah Utara Thailand, setelah mendapat pendapatan daripada pecahan panggu, mereka tidak pulang ke kampung halaman kerana jaraknya dari tempat tinggal dengan jeti di Narathiwat adalah terlalu jauh. Sementara menunggu bot masuk semula ke Tok Bali, mereka akan menghabiskan masa bersama pelacur-pelacur di pusat hiburan.

Seramai enam orang atau 3.43 peratus, buruh perikanan Thai telah membelanjakan sebanyak RM2,000.00 ke atas dalam tempoh masa empat bulan. Mereka adalah terdiri daripada golongan *Taikong* bot. Di mana semasa berada di Thailand, *Taikong* akan mengunjungi pusat pelacuran

bertaraf profesional, biasanya mereka akan pergi bersama-sama *Taikong* bot lain dan menempah hotel yang sama. Selain daripada mencari pelacur, *Taikong* juga akan ke pusat perjudian seperti membeli nombor ekor (sport toto dan 4 magnum) dalam jumlah yang besar iaitu antara 500 sehingga 1,000 untuk setiap kali bertaruh.⁶

5.8 TABUNGAN BURUH PERIKANAN THAI

Buruh Perikanan Thai yang bekerja di Tok Bali akan membuat tabungan setelah menerima pendapatan daripada pecahan panggu. Kadar tabungan ini bergantung kepada pendapatan yang diterima oleh mereka. Hasil kajian ini mendapati seramai 175 buruh perikanan Thai membuat tabungan berbeza-beza dan boleh dikelaskan kepada beberapa tahap. Kadar tabungan yang berbeza di kalangan buruh perikanan ini bergantung kepada jumlah pendapatan bulanan dan perbelanjaan bulanan mereka.

Berdasarkan kepada Jadual 5.6, hasil kajian mendapati peratus tertinggi purata tabungan buruh perikanan Thai adalah di antara RM1,000 hingga RM2,000 iaitu sebanyak 72.58 peratus daripada jumlah buruh perikanan Thai. Daripada peratus ini, 44.58 peratus daripada mereka menabung sebanyak RM1,001 hingga RM1,500 dan selebihnya iaitu 28 peratus lagi menabung di antara RM501 hingga RM2,000.

Buruh perikanan Thai yang menabung kurang daripada RM1,000 adalah sebanyak 4.57 peratus dan RM501 hingga RM1,000 adalah 2.86 peratus. Manakala selebihnya iaitu 1.71 peratus menabung kurang daripada RM500. Buruh perikanan Thai yang membuat tabungan kurang daripada RM500 adalah terdiri daripada golongan *Nakwang hear*, Juru sauh dan Juru *winch*. Wang tabungan yang berjaya dikumpulkan ini digunakan untuk

Jadual 5.6 : Purata Tabungan Buruh Perikanan Thai Dalam Tempoh Empat Bulan

Kategori Tabungan	Bilangan Orang	Peratus	Perbelanjaan Wang Tabungan																	
			A	B	C	D	E	F	G	H	I	J.1	J.2	J.3	K	K.1	L	M	N	
Kurang RM 500		3	1.71	X	X															
RM 501 – RM1,000	5	2	1.14	X	X	X														
		3	1.71	X	X															
RM 1,001 – RM 1,500	78	16	9.14	X	X	X	X	X												
		28	16.00	X	X	X			X											
		34	19.43	X	X			X	X											
RM 1,501 – RM 2,000	49	13	7.43	X	X				X	X		X		X						
		14	8.00	X	X	X			X	X		X		X						X
		22	12.57	X	X	X	X	X	X		X		X		X					
RM 2,001 – RM 2,500	16	3	1.71	X		X	X		X	X	X	X								
		6	3.44	X		X	X	X	X		X	X	X	X						X
		7	4.00	X	X	X			X	X	X	X	X							X
RM 2,501 – RM 3,000	14	3	1.71	X					X		X									X
		5	2.86	X	X	X			X	X	X	X		X						X
		6	3.44	X	X	X			X	X		X	X							X
RM ,3000 Ke atas	10	3	1.71	X	X	X	X		X		X				X		X	X	X	X
		3	1.71	X	X	X	X	X	X		X				X		X	X	X	X
		4	2.29	X				X		X		X			X	X	X	X	X	X
Jumlah		175	100.00																	

A = Barang Dapur
 G = Haiwan Ternakan
 K = Rumah Baru

B = Pakaian
 H = Barang Kemas
 K.1 = Baiki Rumah

C = Kesihatan
 I = Perkahwinan
 L = Tanah

D = Pendidikan
 J.1 = Motor
 M = Kecemasan

E = Perabot
 J.2 = Kereta
 N = Simpanan

F = Peralatan Elektrik
 J.3 = Speed Boat

melangsaikan hutang kepada tauke kedai runcit di Tok Bali dan selebihnya dibelanjakan semasa berada di Thailand. Hasil kajian mendapati buruh perikanan Thai yang mempunyai tabungan kurang daripada RM500 adalah di kalangan mereka yang tidak berkeluarga (bujang).

Bagi buruh perikanan Thai yang membuat tabungan di antara RM1,001 hingga RM2,000 seperti yang telah dijelaskan, adalah sebanyak 72.57 peratus. Golongan ini terdiri daripada awak-awak yang bekerja sebagai *Nakwang hear*, *Phoa krur*, *Enginear*, *Phoa fei*, *Nakkapprea* dan *Nakdamnam*. Sebelum balik ke Thailand mereka akan melangsaikan semua hutang yang dibuat sebelumnya dan sebahagian wang yang tidak digunakan akan ditabungkan untuk membeli barang-barang yang diingini semasa di Thailand.

Bagi buruh perikanan Thai yang menabung RM2,001 hingga RM3,000 adalah terdiri daripada *Phuchui Taikong*, Juru unjam dan *Jurucasbog*. Kesemua daripada mereka sudah mempunyai keluarga dan tanggungan di Thailand. Oleh sebab itu, mereka lebih pandai dan berhati-hati dalam menguruskan sumber kewangan. Manakala terdapat seramai sepuluh orang atau 5.71 daripada mereka mempunyai purata tabungan melebihi RM3,000. Semua daripada mereka bekerja sebagai *Taikong* di bot pukat jerut dan bot pukat tunda. Hasil kajian mendapati di kalangan buruh perikanan Thai yang bekerja di Tok Bali telah mempunyai semangat ingin menabung yang tinggi dan budaya menabung ini jelas kelihatan, di mana hasil tabungan ini hanya akan digunakan semasa mereka balik ke Thailand.

5.8.1 PENGUNAAN HASIL TABUNGAN

Buruh perikanan Thai yang berjaya membuat tabungan kurang daripada RM1,000 seramai lapan orang iaitu sebanyak 4.56 peratus. Mereka

menggunakan tabungan ini untuk tujuan membeli barang keperluan dapur, pakaian dan perubatan. Antara barang keperluan dapur yang dibeli termasuklah beras, gula, minyak masak, teh, kicap dan sebagainya. Selain daripada itu sebahagian daripada tabungan ini digunakan untuk melangsaikan semua hutang yang dibuat oleh keluarga mereka di Thailand.

Semasa buruh perikanan Thai bekerja Tok Bali, ahli keluarga mereka telah mendapat kepercayaan kredit daripada tauke kedai runcit di kampung mereka di Thailand. Ini kerana tauke kedai mempunyai keyakinan yang tinggi bahawa mereka akan mendapatkan semula hutang daripada buruh perikanan Thai setelah mereka balik ke Thailand. Ahli keluarga buruh perikanan Thai boleh mendapatkan barang-barang keperluan dapur secara berhutang dan semua pembelian barang ini akan direkodkan ke dalam buku 555.⁷ Ini telah menunjukkan bahawa amalan penjualan secara kredit di kalangan ahli keluarga buruh perikanan Thai telah mendapat tempat di Thailand. Oleh sebab itu, untuk terus mendapat kepercayaan, buruh perikanan Thai akan menggunakan wang tabungan untuk melangsaikan semua hutang yang dibuat oleh keluarga mereka di Thailand.

Apabila ahli keluarga mereka telah mendapat kepercayaan kredit di kalangan tauke kedai runcit di Thailand. Maka setiap kali keluar bekerja di Tok Bali, buruh perikanan Thai tidak akan rasa risau tentang ketidakcukupan wang perbelanjaan dapur yang ditinggalkan semasa ketiadaan mereka. Ini kerana barang-barang keperluan dapur yang diperlukan boleh diambil terlebih dahulu daripada tauke kedai Thailand.

Selain daripada menggunakan tabungan untuk melangsaikan hutang dan membeli keperluan dapur, terdapat sebanyak 4.56 peratus buruh

perikanan Thai akan menggunakan tabungan yang kurang daripada RM1,000 untuk membeli pakaian isteri dan anak-anak mereka. Baki daripada perbelanjaan untuk makanan akan dikumpulkan sedikit demi sedikit untuk membeli pakaian baru semasa menyambut Perayaan Songkram dan Hari Wesak di Thailand.

Buruh perikanan Thai yang berjaya membuat tabungan antara RM1,001 hingga RM1,500 adalah seramai 78 orang atau 44.58 peratus. Hasil kajian mendapati golongan yang membuat tabungan ini adalah terdiri daripada golongan yang bekerja sebagai *Nakwang hear*. Biasanya tabungan ini digunakan untuk perbelanjaan makanan, pakaian, perubatan, pendidikan anak-anak dan membeli perabot rumah. Terdapat sesetengah buruh perikanan Thai akan menggunakan sebahagian tabungan untuk disalurkan kepada pendidikan anak-anak mereka. Misalnya, setiap tahun wang tabungan ini akan dikeluarkan untuk membeli baju sekolah, kasut, sarung kaki, beg, alat-alat tulis dan sebagainya.

Selain daripada itu, terdapat 78 orang buruh perikanan Thai yang membuat tabungan antara RM1,001 hingga RM1,500 telah menggunakan tabungan mereka untuk membeli peralatan perhiasan rumah. Antara barang-barang yang dibeli termasuklah kerusi sofa, meja makan, kain langsir baru, tikar getah baru dan sebagainya. Hasil kajian mendapati sebilangan besar iaitu 84 peratus buruh perikanan Thai yang bekerja di Tok Bali telah menggunakan wang tabungan ini untuk membeli perabot baru.

Bagi buruh perikanan Thai yang mempunyai tabungan antara RM1,501 hingga RM2,000 adalah seramai 49 orang atau 28.00 peratus. Tabungan ini telah digunakan untuk membeli barangan dapur, pakaian,

perabot, peralatan elektrik, barang kemas dan mengadakan majlis perkahwinan. Antara barang elektrik yang dibeli oleh buruh perikanan Thai antaranya termasuklah radio, *video player*, mesin basuh, peti sejuk dan *video game*. Mereka akan membeli secara tunai barang-barang yang berharga kurang daripada RM500 dan secara ansuran apabila harganya melebihi RM500.⁸

Bagi buruh perikanan Thai yang telah berkeluarga akan menggunakan wang tabungan membeli rantai emas (rantai leher) untuk anak-anak dan isteri mereka. Manakala bagi buruh perikanan Thai yang beragama Buddha akan membeli rantai emas untuk dipakaikan bersama-sama dengan patung Buddha dan terdapat juga sesetengah daripada mereka menggunakan tabungan untuk menyaluti emas di sekeliling patung Buddha. Mereka berbuat demikian kerana mempercayai bahawa ia akan mendapat berkat dan semangat daripada patung Buddha.

Bagi buruh perikanan Thai yang membeli rantai emas (rantai leher) untuk isteri dan anak-anak bertujuan untuk menunjukkan kepada masyarakat setempat bahawa mereka telah berjaya mengubah taraf hidup keluarga mereka semasa bekerja di Tok Bali. Sekiranya seseorang mampu membeli barang kemas semasa bekerja di luar negara, ia akan dihormati dan disanjung tinggi oleh masyarakat setempat. Secara tidak langsung dapat melambangkan kejayaan mereka semasa bekerja di perantauan.

Selain daripada itu, bagi buruh perikanan Thai yang masih bujang akan menggunakan wang tabungan untuk mengadakan majlis perkahwinan mereka. Semasa merancang untuk mengadakan majlis perkahwinan, mereka akan mulai membuat tabungan setiap kali menerima

pendapatan daripada pecahan panggu. Mereka terpaksa membuat tabungan dari peringkat awal kerana kos perbelanjaan untuk mengadakan majlis perkahwinan dianggarkan sebanyak lebih kurang RM20,000. Oleh sebab itu untuk merealisasikan impian ini, mereka akan membuat tabungan.

Golongan yang mempunyai tabungan di antara RM2,001 hingga RM2,500 adalah terdiri daripada buruh perikanan Thai yang bekerja sebagai *Nakkapprea*, *Nakdamnam*, *Enginear* dan *Phoa fei*. Hasil kajian mendapati tabungan mereka digunakan untuk membeli barang keperluan dapur, perubatan, pendidikan, membeli perabot, peralatan elektrik, haiwan ternakan, barang kemas, persediaan perkahwinan, motosikal dan membaiki rumah.

Bagi buruh perikanan Thai yang membuat tabungan seperti di atas akan mengutamakan tabungan untuk perbelanjaan dapur. Sesetengah daripada mereka akan menggunakan wang tabungan untuk membeli haiwan ternakan seperti lembu, kerbau dan kambing. Tabungan ini juga digunakan untuk membeli haiwan ternakan seandainya terdapat jiran-jiran yang ingin menjualkan dengan harga yang murah. Hasil kajian mendapati terdapat seramai sepuluh orang daripada 16 buruh perikanan yang membuat tabungan antara RM2,001 hingga RM2,500 telah membeli haiwan ternakan. Tujuan mereka membeli haiwan ternakan adalah sebagai hadiah kepada ibu bapa mereka.

Selain daripada itu, terdapat juga sesetengah daripada buruh perikanan Thai akan menggunakan tabungan untuk membeli motosikal. Kebiasaan mereka lebih berminat untuk membeli motosikal yang baru di bawah 110cc dan kesemua mereka didapati membeli motosikal jenis Honda.⁹ Buruh perikanan Thai yang bekerja di Tok Bali mendapat kepercayaan penuh

daripada tauke motor di Thailand, kerana mereka mampu menjelaskan bayaran bulanan walaupun dalam empat bulan sekali.

Hasil kajian mendapati buruh perikanan Thai membeli motosikal baru bukan untuk tujuan kegunaan mereka sendiri tetapi untuk kemudahan pengangkutan ahli keluarga. Kesan daripada penglibatan mereka di Tok Bali menyebabkan mereka mampu membeli motosikal yang baru dengan wang tabungan dan wang ini digunakan untuk membayar wang pendahuluan motosikal dan baki bayaran bulanan akan dijelaskan empat bulan sekali. Dengan membeli motosikal baru, membolehkan ahli keluarga mereka bergerak ke mana-mana dengan kenderaan sendiri tanpa bergantung lagi kepada kenderaan awam di Thailand.

Selain itu kajian ini juga mendapati buruh perikanan Thai membuat tabungan untuk tujuan kecemasan seperti perubatan, kemalangan dan kematian. Tabungan untuk tujuan kecemasan ini menunjukkan bahawa mereka mempunyai perancangan kewangan yang agak baik. Selain daripada itu mereka juga akan menggunakan wang tabungan untuk tujuan digunakan semasa mereka ketidaaan sumber pendapatan di masa hadapan. Ini termasuklah semasa mereka sakit dan tidak dapat meneruskan kerja-kerja di atas bot.

Hasil kajian mendapati 3.44 peratus buruh perikanan Thai yang membuat tabungan antara RM2,001 hingga RM2,500 telah menggunakan wang tabungan untuk keperluan asas seperti yang diterangkan sebelum ini, terdapat juga sesetengah mereka menggunakan tabungan untuk membaiki rumah. Antara ubahsuai rumah yang biasa dilakukan oleh mereka ialah memperbanyak bilangan bilik tidur untuk kegunaan anak-anak mereka,

memperbesarkan ruang dapur dan menambahkan bilik air di dalam rumah. Tujuan mereka berbuat demikian adalah untuk keselesaan ahli keluarga mereka.

Selain itu, bagi buruh perikanan Thai yang mempunyai tabungan sebanyak RM2,501 hingga RM3,000 juga akan menggunakan wang tabungan untuk membeli barang dapur, pakaian, perubatan, perabot rumah, peralatan elektrik, haiwan termakan, motor dan membaiki rumah. Hasil kajian mendapati tabungan ini banyak digunakan untuk membaiki rumah, iaitu menggantikan rumah lama yang diperbuat daripada kayu kepada rumah batu. Kerja-kerja membaiki rumah ini tidak dilakukan sekali gus tetapi buruh perikanan Thai akan membaikinya secara berperingkat iaitu membaiki bahagian rumah ibu terlebih dahulu dan diikuti dengan bahagian bilik dan dapur. Biasanya mereka akan mengupah kontraktor binaan dari kampung yang sama dan kerja-kerja pembaikan dijalankan beberapa peringkat kerana cara pembayarannya dibuat secara tunai iaitu semasa mereka menerima wang daripada pecahan panggu.

Buruh perikanan Thai yang telah menabung melebihi daripada RM3,000 terdiri daripada beberapa kumpulan yang mempunyai pendapatan melebihi RM10,000.00 iaitu *Taikong* bot pukat jerut yang mempunyai pendapatan purata RM26,647.80 dalam tempoh empat bulan. Selain daripada itu, terdapat juga beberapa pengkhususan pekerjaan lain yang memperoleh pendapatan melebihi RM10,000.00 seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 5.4. Bagi buruh perikanan Thai yang mempunyai tabungan ini akan digunakan untuk keperluan dapur, pakaian, perubatan, pendidikan anak-anak, membeli menggantikan perabot baru, peralatan elektrik, barang kemas, membeli kereta, *speed boat*, membaiki rumah, membeli rumah baru dan membeli tanah.

Hasil kajian mendapati buruh perikanan Thai yang mempunyai tabungan yang melebihi RM3,000 tidak akan menggunakannya untuk membeli haiwan ternakan, membeli motosikal, dan kegunaan kecemasan. Biasanya kumpulan ini akan menggunakan tabungan ini untuk membeli kereta termasuk kenderaan pacuan empat roda secara ansuran. Kereta yang biasa dibeli oleh golongan *Taikong* adalah Nissan Cefiro 2.0, Honda Civic, Mitsubishi Storm 2.5 dan Mitsubishi Pajero 2.3.¹⁰ Biasanya kereta ini dibeli secara ansuran dan bayaran bulanan dibuat tidak melebihi tiga tahun. *Taikong* berbuat demikian disebabkan kemampuan kewangan mereka dan ingin mengurangkan kadar faedah tahunan yang dikenakan oleh syarikat kewangan di Thailand. Tujuan kenderaan ini dibeli bagi memudahkan pergerakan mereka semasa membeli barang dapur dan mencari alat-alat ganti bot.

Selain itu, golongan yang mempunyai tabungan melebihi RM3,000 ini juga menggunakan wang tabungan berkenaan untuk membeli tanah. Biasanya mereka membeli tanah pertanian untuk diusahakan oleh orang lain. Mereka membeli tanah dengan keluasan di antara lima hingga sepuluh ekar. Tujuan mereka membeli tanah pertanian adalah sebagai pelaburan jangka panjang. Sesetengah daripada mereka akan menjualkan tanah tersebut semula apabila mendapat harga yang lebih tinggi daripada pembeli. Selain daripada itu wang tabungan yang tidak digunakan akan dimasukkan ke dalam akaun simpanan tetap di dalam bank.

5.9 KESIMPULAN

Terdapat perbezaan dan persamaan di antara buruh perikanan Thai yang bekerja di atas bot pukat jerut dengan buruh perikanan Thai yang bekerja di atas bot pukat tunda di Tok Bali. Antara perbezaan yang dapat

dilihat dalam aspek pendapatan pada bot itu sendiri, kos perbelanjaan untuk setiap trip keluar ke laut dan nilai tabungan yang diperoleh buruh perikanan Thai semasa pembahagian panggu dijalankan.

Bot pukat jerut memperoleh hasil tangkapan yang banyak, iaitu dianggarkan dalam empat bulan berjaya memperoleh RM350,000.00. Manakala hasil tangkapan untuk bot pukat tunda dalam masa yang sama adalah sebanyak RM200,000.00. Persamaan yang jelas ialah semua hasil tangkapan bagi kedua-dua jenis bot ini akan direkodkan dan pembahagian pendapatan di antara majikan dengan buruh perikanan Thai hanya akan dijalankan melalui Sistem Pembahagian Panggu yang diadakan empat bulan sekali.

Kos perbelanjaan untuk setiap kali keluar ke laut adalah tinggi. Di mana keseluruhan kos untuk bot pukat jerut adalah dianggarkan berjumlah RM136,040.00 manakala bagi bot pukat tunda pula adalah sebanyak RM126,040.00. Kos perbelanjaan ini tinggi adalah disebabkan kos perbelanjaan untuk barang-barang dapur, minyak diesel, air batu, kos kerosakan bot, bayaran duit petik, kos penggunaan jeti, kos *membubu* pukat, kos upah bulanan, kos tong ikan dan lain-lain kos yang perlu digunakan dalam tempoh empat bulan.

Kos perbelanjaan untuk bot pukat jerut tinggi berbanding dengan bot pukat tunda. Namun begitu jika dilihat dari segi pulangan yang diperoleh dalam tempoh empat bulan, didapati terdapat perbezaan yang amat ketara. Hasil kajian didapati pendapatan bersih untuk bot pukat jerut adalah hampir dua kali ganda. Walaupun kos perbelanjaan untuk bot pukat tunda lebih

rendah berbanding dengan kos bot pukat jerut tetapi pendapatan bersih yang diperoleh adalah lebih rendah daripada keseluruhan kos operasi di laut.

Dalam pembahagian panggu pula, bot pukat jerut mempunyai 40 orang buruh perikanan Thai tetapi dari segi pembahagian panggu perlu membahagikan kepada 55 panggu. Ini kerana setiap daripada mereka memperoleh pecahan panggu yang berbeza-beza mengikut pengkhususan kerja di atas bot. Manakala bagi bot pukat tunda mempunyai 12 orang buruh perikanan Thai tetapi dari pembahagian panggu perlu dibahagikan kepada 17.5 panggu. Ini berlaku juga disebabkan setiap daripada buruh perikanan Thai akan memperoleh pecahan panggu yang berbeza-beza.

Semasa pembahagian panggu dijalankan *Taikong* bot akan memperoleh pendapatan jauh lebih tinggi daripada awak-awak lain kerana *Taikong* akan mendapat sepuluh peratus daripada hasil pendapatan bersih dan tiga panggu setiap kali pembahagian panggu dijalankan. Manakala awak-awak lain hanya mendapat beberapa panggu bergantung kepada pengkhususan masing-masing di atas bot. Oleh sebab itu, pendapatan yang diterima oleh mereka jauh lebih rendah jika dibandingkan dengan pendapatan *Taikong*. Bagi menambahkan hasil pendapatan semua daripada mereka yang bekerja di atas bot pukat jerut dan bot pukat tunda akan menambahkan pendapatan dengan memancing ikan, *mencandat* sotong, *membubu* pukat, membuat unjam dan mendapatkan duit petik semasa menurunkan ikan di jeti.

Semua buruh perikanan Thai yang bekerja di atas bot pukat jerut, dan bot pukat tunda di Tok Bali mendapat pendapatan daripada panggu, terdapat juga sesetengah daripada mereka telah mendapat pendapatan secara bulanan. Antara mereka yang mendapat adalah seperti Juru unjam, *Engineer*

dan *Phoa krur*. Selain daripada itu, *Jurucasbog* juga akan mendapat bayaran lebih kerana turun ke dalam *hompral* untuk menaikkan air batu setiap kali kerja-kerja memukat dijalankan dan semua ini akan dibayar pada masa pembahagian panggu dijalankan.

Kos perbelanjaan untuk semua buruh perikanan Thai yang bekerja di Tok Bali akan ditanggung sepenuhnya oleh majikan tempatan. Di mana secara kasarnya semua kos perbelanjaan dapur di atas bot akan dibayar oleh majikan tetapi secara realitinya majikan hanya menampung separuh daripada kos tersebut kerana semua kos membeli barang dapur akan dikirakan dalam jumlah kos perbelanjaan. Manakala kos yang ditanggung sendiri oleh buruh perikanan Thai adalah seperti membeli barang kegunaan sendiri dan ia didapatkan secara kredit dan direkodkan dalam buku 555. Di sini telah menunjukkan bahawa semua buruh perikanan Thai telah mendapat kepercayaan daripada tauke kedai runcit di Tok Bali.

Setelah genap empat bulan, pembahagian panggu akan dijalankan, pihak majikan akan membayar dalam bentuk mata wang Malaysia dan sesetengah majikan juga akan membayar dalam nilai bath. Semasa proses ini berlaku hanya tiga orang sahaja akan terlibat iaitu majikan tempatan, pengurus ikan dan *Taikong*. Apabila *Taikong* wang tersebut pembahagian panggu akan dijalankan sesama mereka di atas bot. Kebiasaan *Taikong* di bot pukat jerut akan membayar mengikut penghususan pekerja dan jumlah bayaran yang diterima adalah berbeza-beza. Untuk mengelakkan daripada diketahui oleh awak-awak lain, *Taikong* akan memanggil seorang demi seorang untuk menerima bahagian mereka masing-masing dan duit ini akan dimasukkan ke dalam sampul surat.

Bagi mengelakkan daripada timbulnya kes kecurian dan membeli dengan boros, *Taikong* akan membayar sebahagian sahaja kepada semua buruh perikanan Thai dan bakinya akan diberikan kesemua setelah bot sampai ke Thailand. Tujuan *Taikong* berbuat demikian adalah untuk membolehkan awak-awak untuk melangsaikan semua hutang barang-barang di kedai runcit di Tok Bali sebelum balik ke Thailand. Di samping itu digunakan untuk membeli sedikit buah tangan kepada keluarga sebelum balik ke Thailand. Di sini jelaslah bahawa buruh perikanan Thai yang bekerja di Tok Bali dapat mengumpul wang dengan banyak disebabkan semua perbelanjaan untuk makan dan minum telah disediakan di atas bot. Hasil kajian didapati hampir keseluruhan wang yang diperoleh di sini akan dibawa balik ke Thailand untuk dibelanjakan.

Pertama sekali apabila balik ke Thailand, bagi buruh perikanan Thai yang mempunyai keluarga akan melangsaikan hutang yang dibuat oleh keluarga mereka, membeli rokok, membeli minuman keras, berjudi dan lain-lain lagi. Bagi mereka yang tidak berkeluarga akan mengunjungi pusat karaoke, pelacuran dan perjudian. Di sini jelas bahawa pendapatan yang diperoleh sepanjang bekerja di Tok Bali akan digunakan menyelesaikan hutang, kegunaan keluarga dan menikmati hiburan di Thailand.

Hasil kajian didapati bahawa bukan semua pendapatan ini dibelanjakan, lebihan daripada ini akan ditabungkan. Bagi buruh perikanan Thai yang mempunyai tabungan yang kurang daripada RM1,000 akan menggunakan tabungan ini untuk membeli barang dapur, pakaian dan perubatan. Bagi mereka yang mempunyai tabungan antara RM1,001 hingga RM2,000 untuk membeli keperluan asas, seperti barang dapur, pakaian,

pendidikan, perubatan, perabot, peralatan elektrik dan barang kemas. Bagi mereka yang mempunyai tabungan RM2,001 hingga RM3,000 akan membeli barang dan perkhidmatan seperti di atas, mereka juga akan membeli haiwan ternakan, membeli motosikal dan membaiki rumah. Manakala bagi yang mempunyai tabungan melebihi RM3,000 ke atas bukan sahaja menggunakan tabungan untuk membeli keperluan asas tetapi mereka menggunakan tabungan untuk membeli kereta, *speed boat*, baiki rumah, rumah baru dan membeli tanah. Jelas di sini bahawa semua buruh perikanan Thai yang bekerja di Tok Bali boleh menggunakan pendapatan ini untuk mereka sendiri dan keluarga dan bakinya ditabungkan untuk kegunaan masa hadapan.

NOTA HUJUNG

-
- 1 Sistem Pembahagian Panggu ialah satu kaedah yang digunakan untuk menentukan hasil tangkapan atau hasil jualan yang diterima oleh setiap buruh perikanan Thai atau majikan tempatan mengikut nisbahnya masing-masing. Untuk mendapat penjelasan lebih lanjut cara pengiraan panggu sila lihat, Mohammad Raduan Mohd Ariff, **Perusahaan Perikanan Di Semenanjung Malaysia**, Jabatan penerbitan Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 1988.
- 2 Hasil temubual dengan Ghanyaphon iaitu *Taikong* di atas bot KNF1101C, pada 13 April 2002, pada 8.15 p.m.
- 3 Hasil temubual dengan Maznam pemilik Syarikat Fisheries Sdn. Bhd. pada 16 April 2002, pada 4.30 p.m.
- 4 Hasil temubual dengan Rothipma iaitu *Taikong* di atas bot KNF1117C, pada 15 April 2002, pada pukul 9.20 p.m.
- 5 Hasil temubual dengan Abdul Rahman pemilik Syarikat Laut Dalam (Jet 7), pada 20 April 2002, pada 3.30 p.m.
- 6 Hasil temubual dengan Taiba iaitu *Taikong* yang bekerja di atas bot KNF1065C, pada 19 April 2002, pada 10.15 p.m.
- 7 Buku 555 adalah sejenis buku yang digunakan oleh tauke kedai runcit di Thailand untuk merekodkan barang-barang yang dibeli secara kredit oleh keluarga buruh perikanan Thai dan setiap kali mereka mengambil barang, ia akan direkodkan dan buku ini akan disimpan oleh tauke kedai sehinggalah semua hutang ini dilangsaikan.
- 8 Hasil temubual dengan buruh perikanan Thai yang bekerja di atas bot KNF1051C, pada 28 April 2002, pada pukul 11.20 p.m.
- 9 Hasil temubual dengan Navatri iaitu *Taikong* di atas bot KNF1113C, pada 26 April 2002, pada pukul 8.45 p.m.
- 10 Hasil temubual dengan Vod Jant iaitu *Taikong* di atas bot KNF 1071C, pada 13 April 2002, pada 9.15 p.m.

BAB VI

KESIMPULAN

Perusahaan perikanan di Semenanjung Malaysia telah menunjukkan satu perkembangan yang amat memberangsangkan. Perkembangan yang pesat ini dapat ditunjukkan melalui hasil pendaratan ikan. Pendaratan ikan telah menunjukkan satu trend peningkatan yang berterusan dari tahun 1950an hingga pada tahun 2001. Pendaratan ikan yang meningkat sepanjang tahun ini dipengaruhi oleh penerokaan sumber perikanan pinggir pantai, penglibatan negara dalam sektor perikanan laut dalam dan juga projek penternakan ikan dalam sangkar.

Jika diperhatikan sektor perikanan di Semenanjung Malaysia telah menghadapi satu perubahan yang ketara, iaitu telah mengalami satu peralihan daripada perusahaan perikanan tradisional kepada perusahaan perikanan komersial yang moden. Dalam konteks ini menunjukkan bahawa sektor perikanan negara telah mengalami proses pemodenan. Jika diperhatikan ia berlaku seiring dengan penggunaan perkakas penangkapan ikan yang moden iaitu pukat tunda dan pukat jerut pada tahun 1970-an di seluruh negeri. Di samping itu, peningkatan pendaratan yang ketara ini juga sangat berkait rapat dengan perkembangan yang pesat dalam penggunaan bot berenjin dalam di Semenanjung Malaysia.

Peningkatan pendaratan sumber perikanan marin negara telah berjaya menampung permintaan sumber protein negara seiring dengan pertambahan penduduk pada masa kini. Di samping itu, sumber perikanan

yang didaratkan ini telah dieksport keluar negara. Perkembangan pesat sektor perikanan laut dalam berlaku pada tahun 1980an. Perkembangan ini disebabkan kawasan perairan menangkap ikan negara menjadi semakin luas kesan daripada pelaksanaan Zon Ekonomi Eksklusif (ZEE). Namun begitu, walaupun negara telah berusaha untuk meningkatkan industri perikanan negara dengan memberi latihan kepada nelayan tempatan dan mengadakan skim sewa beli bot tetapi semua usaha kerajaan untuk memodenkan sektor perikanan negara masih tidak dapat mencapai tahap yang sepatutnya.

Pada masa kini, sektor perikanan di Semenanjung Malaysia sedang menghadapi satu fenomena yang agak serius dan kemungkinan semua rancangan pihak kerajaan sukar untuk direalisasikan. Keadaan ini berlaku disebabkan negara masih dibelenggu dengan masalah untuk melahirkan tenaga kerja yang mampu mengikuti arus pemodenan dalam sektor perikanan. Perkara ini menjadi semakin serius disebabkan golongan muda tempatan sekarang tidak berminat untuk melibatkan diri dalam sektor pertanian khususnya sektor perikanan. Antara alasan yang telah menghalang mereka menceburи bidang perikanan adalah anggapan bahawa bekerja dalam sektor perikanan tidak boleh menjamin masa depan yang baik. Tambahan pula sumber pendapatan yang diperoleh tidak tetap kerana terpaksa bergantung sepenuhnya kepada hasil tangkapan juga menjadi satu alasan.

Golongan muda pada masa kini juga memberi alasan bahawa Sistem Pembahagian Panggu yang diamalkan dalam sektor perikanan adalah terlalu lama dan ramai daripada mereka tidak sanggup menerima cabaran untuk tinggal di atas bot berminggu-minggu serta meninggalkan keluarga semata-mata untuk mencari rezeki. Kesan daripada perkembangan tahap

pendidikan yang semakin meningkat membolehkan mereka mencebur ke bidang pekerjaan dalam sektor perindustrian yang terdapat di negara-negara lain khususnya di Singapura. Sementara itu penglibatan golongan tua juga semakin berkurangan disebabkan tidak lagi berdaya untuk meneruskan kerja-kerja di laut akibat daripada ketuaan mereka.

Kemerosotan bilangan nelayan mulai dirasai pada tahun 1980. Pengurangan nelayan berlaku begitu serius disebabkan usaha kerajaan memindahkan sebahagian nelayan ke dalam sektor pekerjaan lain. Perkara ini terpaksa dilakukan kerana sumber yang terdapat di perairan pinggir pantai negara telah dieksplotasi secara berlebihan. Berdasarkan kepada laporan Majlis Perundingan Ekonomi Negara (MAPEN), pada tahun 1991 negara telah mengalami lebihan nelayan seramai 30,000 orang.

Namun begitu pada masa kini, fenomena sukar untuk mendapatkan buruh perikanan tempatan telah menjadi isu yang serius dan telah menimbulkan kebimbangan kepada banyak pihak. Antaranya ialah pihak Kementerian Pertanian Malaysia dan juga pengusaha-pengusaha tempatan. Masalah kekurangan penglibatan masyarakat tempatan sudah tentu akan menjelaskan hasil pendaratan ikan negara sebagai pembekal sumber protein kepada penduduk tempatan dan sumber ekonomi negara. Di samping itu, ini sedikit sebanyak akan mendatangkan kesan negatif kepada perkembangan industri hiliran yang berasaskan sumber marin.

Bagi mengatasi masalah kekurangan buruh perikanan dalam bidang perikanan, kerajaan telah mengadakan perjanjian dua hala antara Malaysia dengan Thailand. Pada masa yang sama, pihak kerajaan telah meluluskan permit kepada pengusaha tempatan untuk menempatkan buruh

perikanan Thai di atas bot mereka dalam tempoh setahun. Dalam masa yang sama kerajaan telah meluluskan lesen-lesen penggunaan bot carter kepada pengusana tempatan yang berminat untuk menerokai sektor perikanan laut dalam. Tujuan kerajaan berbuat demikian adalah untuk meningkatkan hasil pendaratan ikan negara dan yang paling penting memberi peluang kepada buruh perikanan tempatan supaya mereka dapat mempelajari cara-cara mengendalikan peralatan moden daripada buruh perikanan Thai.

Bagi mengelakkan sektor perikanan laut dalam didominasi sepenuhnya oleh buruh perikanan Thai, maka pihak kerajaan telah mengehadkan setiap bot hanya menggunakan 90 peratus buruh perikanan Thai untuk bekerja di atas bot dan selebihnya diisi oleh buruh perikanan tempatan. Namun demikian, hasil kajian mendapati secara realitinya syarat-syarat ini gagal dilaksanakan kerana kebanyakan bot majikan tempatan tidak menggunakan langsung buruh perikanan tempatan, dengan alasan bahawa buruh perikanan tempatan tidak berminat dan tidak boleh menyesuaikan diri bersama-sama buruh perikanan Thai. Ini kerana terdapat perbezaan dari segi baiasa pertuturan dan cara hidup yang berbeza-beza di antara mereka.

Pada tahun 1955, bilangan buruh perikanan Thai hanya seramai 126 orang tetapi telah meningkat sebanyak 7,216 peratus kepada 9,219 orang pada tahun 2000. Peningkatan yang mendadak ini disebabkan sektor perikanan laut dalam pada masa kini tidak mendapat tempat di kalangan buruh perikanan tempatan. Hasil kajian mendapati sektor perikanan laut dalam telah diisi oleh buruh perikanan Thai. Di Tok Bali, sebanyak 70.26 peratus daripada buruh perikanan Thai datang dari Bahagian Selatan Thailand dan hampir

keseluruhan daripada mereka sebelum ini pernah bekerja sebagai nelayan di negara asal.

Hasil kajian mendapati buruh perikanan Thai yang bekerja di Tok Bali telah didominasi oleh mereka yang beragama Buddha, iaitu 82.29 peratus daripada keseluruhan buruh perikanan Thai di sini. Perkara ini berlaku disebabkan hampir keseluruhan bot perikanan laut dalam dimiliki oleh majikan Cina Siam, yang mana bot perikanannya diurus kendalikan oleh nelayan-nelayan Thai beragama Buddha. Dari segi peringkat umur didapati semua buruh perikanan Thai yang diambil bekerja di Tok Bali adalah terdiri daripada tenaga buruh yang produktif. Ia dapat dibuktikan bahawa terdapat sebanyak 74.29 peratus buruh perikanan Thai di sini berumur di antara 18 hingga 32 tahun.

Hasil kajian mendapati sebanyak 93.72 peratus buruh perikanan Thai yang bekerja di Tok Bali datang secara sah dan selebihnya masuk secara haram. Peratusan buruh perikanan Thai yang masuk secara sah adalah tinggi disebabkan semua proses untuk membawa mereka masuk ke Tok Bali telah diuruskan oleh majikan tempatan. Semua buruh perikanan Thai yang berminat untuk bekerja diminta menyerahkan semua dokumen yang diperlukan untuk diproses. Antara dokumen yang diperlukan mestilah diperakui oleh Jabatan Imigresen dan Jabatan Perikanan Thailand. Bagi mereka yang bekerja secara haram adalah atas dasar menggantikan buruh perikanan yang sakit atau berhenti secara mengejut tanpa pengetahuan pihak majikan tempatan.

Hasil kajian juga mendapati terdapat pelbagai sebab yang telah mendorong buruh perikanan Thai berminat untuk datang bekerja dengan majikan tempatan di Tok Bali. Perkara yang paling utama adalah disebabkan

faktor sumber perikanan di Thailand telah mengalami kepupusan. Oleh sebab itu, buruh perikanan Thai yang sebelum ini bekerja di negara asal telah menghadapi masalah untuk keluar menangkap ikan di pinggir pantai dan untuk mengatasi masalah ini, mereka telah berhijrah ke Tok Bali dan bekerja di atas bot majikan tempatan.

Penghijrahan secara besar-besaran buruh perikanan Thai adalah atas dasar mematuhi arahan daripada majikan Thailand. Perkara ini berlaku disebabkan bot dari negara Thailand telah masuk beroperasi di Tok Bali secara meluas, apabila pihak kerajaan telah meluluskan penggunaan lesen bot *carter* kepada pengusaha tempatan. Selain daripada itu, hasil kajian mendapati buruh perikanan Thai yang berminat bekerja di Tok Bali disebabkan pendapatan yang diperoleh adalah sangat lumayan jika dibandingkan dengan keadaan hidup di negara mereka.

Hasil kajian mendapati hampir keseluruhan buruh perikanan Thai yang datang ke Tok Bali, dengan cara menaiki bot perikanan, iaitu sebanyak 98.29 dan selebihnya datang dengan menaiki bot dan kereta sewa. Peratusan yang datang menggunakan bot perikanan sangat tinggi disebabkan majikan tempatan telah menghantar wakilnya untuk datang mengambil semua buruh perikanan Thai ke Tok Bali. Selain daripada itu, mereka datang ke Tok Bali dengan menaiki bot adalah lebih murah berbanding dengan menggunakan jalan perhubungan darat.

Buruh perikanan Thai yang bekerja di Tok Bali adalah seramai 1,752 orang sehingga kajian terakhir dijalankan pada April 2002. Hasil kajian mendapati terdapat 11 syarikat perikanan di Tok Bali yang telah menggunakan kesemua buruh perikanan Thai. Syarikat Maznan Fisheries Sdn. Bhd adalah

syarikat yang paling banyak memperoleh lesen *carter* daripada pihak kerajaan dan menggunakan seramai 447 orang (25.51 peratus) untuk bekerja di atas 13 buah bot pukat jerut di Tok Bali. Manakala Syarikat Laut Dalam (Jet 7) telah menggunakan seramai 41 orang (2.34 peratus) daripada keseluruhan buruh perikanan Thai untuk bekerja di atas bot pukat tunda mereka.

Buruh perikanan Thai yang bekerja di atas bot mempunyai satu organisasi yang tersendiri, *Taikong* merupakan ketua di atas bot dan dibantu oleh buruh perikanan Thai yang lain. Bilangan buruh perikanan Thai yang bekerja di atas bot jerut adalah seramai 40 orang dan di atas bot pukat tunda adalah seramai 12 orang. Walaupun di atas bot mempunyai ramai buruh perikanan Thai tetapi mereka sentiasa mendengar dan melaksanakan semua arahan yang disampaikan oleh *Taikong*. Oleh sebab itu sekiranya majikan tempatan ingin mengekalkan buruh perikanan Thai di atas bot, majikan perlulah pandai mengambil hati, menjaga kebajikan dan menjalin hubungan yang baik dengan *Taikong* kerana apabila *Taikong* berpindah ke bot lain sudah tentu semua anak buahnya akan ikut bersama.

Sebelum keluar ke laut, buruh perikanan Thai yang bekerja di atas bot pukat jerut akan menyediakan unjam, *membubu* pukat, mengisi minyak diesel, mengisi air batu, dan membeli barang-barang dapur. Setiap trip ketiga dalam sebulan, buruh perikanan Thai yang bekerja di atas bot pukat jerut akan kelihatan sibuk menghasilkan unjam untuk dibawa keluar ke laut. Semua daripada mereka yang bekerja di atas bot tidak dikecualikan daripada menghasilkan unjam. Tetapi bagi buruh perikanan Thai yang bekerja di atas bot pukat tunda akan kelihatan sibuk untuk *membubu* pukat. Ini kerana setiap

trip biasanya pukat tunda akan terkoyak akibat tersangkut pada batu karang dan sisa-sisa bot yang terbenam di dasar laut.

Apabila bot sampai ke laut semua unjam di atas bot akan diturunkan dan kerja memukat bagi bot pukat jerut akan dimulakan pada waktu malam. Ini kerana aktiviti memukat di kawasan unjam adalah menggunakan konsep "menipu". Sebelum aktiviti memukat dijalankan di sekitar kawasan unjam ibu akan dipasangkan dengan rumah api supaya ikan-ikan yang terdapat di sini akan bergerak ke arah cahaya lampu gasolin dan cahaya lampu *sportlight*. Sebelum pukat diturunkan *Taikong* akan melihat taburan ikan dengan berpandukan sonar. Dalam semalam pukat akan diturunkan sebanyak tiga hingga empat kali. Ia juga bergantung kepada hasil tangkapan kerana setiap kali proses menurunkan pukat sehingga menyimpan ikan di dalam *hompral* akan mengambil masa antara satu setengah hingga dua jam. Semua aktiviti memukat akan dihentikan pada waktu siang dan ramai daripada buruh perikanan Thai menggunakan masa ini untuk memancing.

Bagi buruh perikanan Thai di atas bot pukat tunda pula tidak terlalu sibuk semasa di tengah laut. Keadaan ini berlaku disebabkan semasa pukat diturunkan, bot akan terus menunda pukat di antara empat hingga lima jam. Sementara menunggu pukat dinaikkan, buruh perikanan akan berehat. Apabila pukat dinaikkan ke atas bot, kerja-kerja penggredan ikan dijalankan dan ikan-ikan yang ditangkap ini akan dimasukkan ke dalam *kabat* sebelum disimpan di dalam *hompral*. Pada waktu malam, aktiviti menunda tidak akan dilakukan kecuali pada musim penundaan udang. Pada waktu malam, mereka menggunakan masa ini untuk *mencandat* sotong dan aktiviti ini akan berakhir antara pukul lima hingga enam pagi.

Apabila semua *homprai* di atas bot telah dipenuhi dengan hasil tangkapan, *Taikong* akan mengarahkan *Nakkapprea* dan awak-awak lain bersiap sedia untuk masuk ke jeti. Sebelum sampai ke jeti, *Taikong* akan menghubungi majikan tempatan untuk mengetahui pasaran harga ikan di jeti. Sekiranya kuantiti ikan banyak didaratkan di jeti Tok Bali, *Taikong* akan mengarahkan *Nakkapprea* menggerakkan bot masuk ke Thailand. Tujuan *Taikong* berbuat sedemikian adalah untuk menambahkan hasil jualan ikan untuk trip tersebut. Sementara itu hasil tangkapan yang diperoleh oleh pukat tunda terus didaratkan di Tok Bali, kerana bilangan bot pukat tunda di sini adalah terhad. *Taikong* tidak perlu risau tentang penawaran harga ikan di pasaran disebabkan ikan demersial yang didaratkan tidak perlu bersaing sesama sendiri.

Semasa bot sampai di jeti Tok Bali, aktiviti memunggah ikan tidak akan terus dijalankan. Buruh perikanan Thai akan menggunakan masa ini untuk berehat dan sesetengah daripada mereka akan melepak di kedai makan berdekatan, sementara menunggu arahan seterusnya daripada *Taikong*. Kerja-kerja memunggah ikan akan bermula pada waktu malam kerana pada waktu ini terdapat ramai peraih ikan, pemborong ikan dan pengguna akan datang untuk mendapatkan ikan.

Hasil kajian mendapati terdapat perbezaan yang ketara dari segi jumlah pendapatan, di antara buruh perikanan Thai yang bekerja di atas bot pukat jerut dengan yang bekerja di bot pukat tunda di Tok Bali. Bot pukat jerut yang beroperasi di sini memperoleh hasil tangkapan yang dianggarkan sebanyak RM350,000.00 dalam tempoh empat bulan. Manakala bagi hasil tangkapan bot pukat tunda dalam tempoh yang sama adalah sebanyak

RM200,000.00. Walaupun hasil tangkapan di atas bot pukat jerut tinggi tetapi secara purata pendapatan setiap individu adalah rendah, kerana semua pendapatan bersih akan dibahagikan dengan 40 orang dan akhirnya pendapatan purata setiap seorang adalah lebih rendah daripada buruh perikanan Thai yang bekerja di atas bot pukat tunda.

Hasil kajian mendapati dari segi kos perbelanjaan dalam tempoh empat bulan, bot pukat jerut telah menggunakan sebanyak RM136,040.00 dan bot pukat tunda pula adalah sebanyak RM126,040.00. Walaupun setiap kali bot beroperasi memerlukan kos yang banyak tetapi setiap kali bot keluar ke laut, majikan tempatan boleh mendapatkannya secara kredit. Dalam kes ini walaupun keseluruhan kos bagi bot pukat jerut lebih tinggi daripada bot pukat tunda, pendapatan bersih yang diperoleh di atas bot pukat jerut adalah dua kali ganda lebih tinggi daripada kos yang terlibat.

Selain itu hasil kajian ini mendapati semua pendapatan dari hasil perikanan untuk setiap trip tidak akan dibahagikan terus dan ia akan direkodkan oleh pengurus ikan. Satu salinan akan diberikan kepada majikan tempatan dan satu salinan lagi akan diberikan kepada Taikong. Salinan ini digunakan untuk memudahkan kerja-kerja penyemakan yang akan dijalankan semasa hendak melaksanakan pecah panggu akan datang. Pendapatan yang diterima oleh buruh perikanan Thai terdiri daripada pelbagai sumber, antaranya pendapatan yang diterima melalui pecahan panggu, pendapatan yang diterima berdasarkan peratusan, gaji tetap bulanan dan pendapatan sampingan daripada kerja-kerja yang dijalankan semasa di laut dan di daratan.

Taikong akan mendapat sepuluh peratus daripada pendapatan bersih dan tiga panggu. Manakala buruh perikanan yang lain akan menerima

pendapatan berdasarkan kepada pengkhususan kerja yang dilakukan di atas bot. Hasil kajian mendapati pendapatan yang diterima oleh *Taikong* bot pukat jerut dan bot pukat tunda lebih tinggi daripada buruh perikanan Thai yang lain. Bagi menambahkan hasil pendapatan, hampir 94 peratus buruh perikanan Thai akan menggunakan masa terluang di laut untuk memancing dan *mencandat* sotong.

Setelah memperoleh wang daripada pecahan panggu, semua buruh perikanan Thai akan melangsaihan semua hutang-hutang kepada tauke kedai runcit di Tok Bali sebelum balik ke Thailand, dan baki pendapatan akan digunakan semasa di Thailand. Setiap empat bulan didapati wang negara telah mengalir keluar dengan banyaknya ke Thailand melalui buruh perikanan Thai. Semasa di Thailand mereka akan menggunakan wang tersebut untuk melangsaihan hutang yang dibuat oleh keluarga mereka di Thailand dan lebih daripadanya akan ditabungkan.

Kesemua buruh perikanan Thai melakukan tabungan. Bagi mereka yang mempunyai tabungan kurang daripada RM1,000 akan menggunakan tabungan ini untuk membeli barang dapur, pakaian, perubatan, rokok, minuman keras, berjudi dan lain-lain lagi. Manakala bagi mereka yang mempunyai tabungan melebihi RM3,000 akan menggunakan tabungan untuk membeli kereta, *speed boat*, baiki rumah, rumah baru dan membeli tanah. Dalam hal ini, dapatlah dijelaskan bahawa buruh perikanan Thai yang bekerja di Tok Bali boleh menggunakan hasil pendapatan untuk mereka sendiri dan keluarga di Thailand dan bakinya ditabungkan untuk kegunaan pada masa akan datang.

Hasil kajian mendapati *Taikong* memperoleh pendapatan yang sangat lumayan, manakala majikan tempatan sangat berpuas hati kerana telah memperoleh keuntungan yang diharapkan. Bagaimana pun yang lebih penting, semua buruh perikanan Thai yang bekerja di atas bot pukat jerut dan bot pukat tunda tidak merasakan bahawa sepanjang bekerja di sini mereka telah dieksloitasi. Di sini dapat dirumuskan bahawa buruh perikanan Thai sangat berminat bekerja di Tok Bali adalah disebabkan keistimewaan kaedah pembahagian panggu yang diamalkan di sini. Selain daripada itu semasa menjalankan operasi menangkap ikan, mereka boleh melakukan kerja sampingan yang boleh menambah pendapatan tanpa mengeluarkan sebarang kos. Pendapatan tinggi yang dibawa balik ke kampung, telah membolehkan keluarga di tempat asal menerima faedah daripada sistem kredit. Amalan sistem kredit yang meluas ini telah berjaya mengubah nasib keluarga buruh perikanan Thai.

Akhirnya dapat disimpulkan bahawa penglibatan buruh perikanan Thai di Tok Bali khasnya, dan Semenanjung Malaysia amnya telah memberi keuntungan kepada kedua-dua belah pihak. Bagi Malaysia, penglibatan buruh perikanan Thai ke negara ini telah menghidupkan perusahaan perikanan laut dalam yang sekali gus berjaya menambahkan kuantiti pendaratan ikan tahunan negara ini. Pertambahan dalam kuantiti pendaratan ikan telah sedikit sebanyak menampung permintaan ikan domestik dan juga pertambahan dalam kuantiti eksport negara. Selain daripada itu, ini secara tidak langsung telah memangkinkan industri hulu dan industri hiliran negara yang berasaskan sumber perikanan.

Bagi buruh perikanan Thai pula, dengan membenarkan mereka bekerja di negara ini, telah memberi peluang kepada mereka meningkatkan pendapatan dan seterusnya meningkatkan taraf hidup keluarga. Bukan itu sahaja, malah ada di antara mereka yang telah berjaya melakukan mobiliti sosial.